

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid III

Bil. 17

Hari Selasa

5 Ogos 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN
1)

(Ruangan

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997

(Ruangan

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997

(Ruangan

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Ruangan

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Dasar Kebersihan

- Y.B. Puan Kamalia binti Ibrahim

(Ruangan

Projek Koridor Raya Multimedia

- Y.B. Dato' Haji Ahmad bin Ismail

(Ruangan

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggala Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)

- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 5 Ogos 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN) - PROJEK YANG GAGAL

1. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan:
 - (a) projek-projek selenggaraan Unit Perancang Ekonomi Negeri yang gagal atau tidak memuaskan mengikut jadual perancangan; dan
 - (b) sebab-sebab kegagalan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) adalah agensi perancangan pembangunan utama di peringkat negeri yang bertanggungjawab menjalankan perancangan pembangunan ekonomi negeri dan merancang dan mengesan projek dan program secara mikro atau secara keseluruhan. Rancangan di peringkat negeri adalah bertujuan untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan dalam pengagihan dan penggunaan sumber-sumber dalam dan luar negeri.

Walau bagaimanapun, UPEN sebagai agensi perancang dan bukan agensi pelaksana tidak bertanggungjawab secara langsung ke atas penyelenggaraan projek-projek pembangunan negeri. Ini kerana sebahagian besar daripada projek yang dirancang dan diluluskan oleh kerajaan negeri adalah dilaksanakan dan diselenggarakan oleh agensi-agensi pelaksana negeri lain seperti Jabatan Kerja Raya Negeri, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Lembaga Kemajuan Wilayah dan sebagainya. UPEN hanya bertanggungjawab menyelenggara dan mengawasi projek-projek seperti kajian-kajian kemungkinan dan projek-projek bantuan teknikal yang dibiayai oleh kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat atau agensi-agensi antarabangsa.

Berdasarkan bidang tanggungjawab UPEN, didapati pada keseluruhannya prestasi dan kemajuan projek-projek selenggaraan UPEN sangatlah memuaskan. Kebanyakan projek-projek selenggaraan UPEN berjalan dengan lancar dan mengikut jadual tetapi terdapat juga satu, dua masalah yang mempunyai kesan terhadap projek-projek selenggaraan UPEN yang boleh menyebabkan projek-projek tersebut dibatal, ditangguh ataupun mengalami kelewatan pelaksanaan. Di antara masalah-masalah tersebut ialah seperti berikut:-

- (i) Kelewatan pelaksanaan, misalnya kerana perubahan kepada spesifikasi pelan atau reka bentuk kajian yang menyebabkan penelitian semula kos projek;
- (ii) Masalah teknikal misalnya kelewatan mengemukakan laporan akhir kajian atau oleh pakar perunding atau perkhidmatan juruperunding ditamatkan kerana prestasi yang tidak memuaskan dan masalah alam sekitar, misalnya bagi tujuan pemeliharaan atau pemuliharaan sesuatu kawasan, maka projek itu mungkin dibatal atau ditangguhkan pelaksanaan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana memberitahu kita projek-projek yang dijalankan oleh UPEN selalunya berjaya. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan siapakah yang mengelolakan dua projek tasik. Pertamanya Tasik Chini di mana empangan dibuat sejak ianya dilancarkan pada masa saya terbabit dengan kerajaan negeri lagi, sehingga ke hari ini bermasalah lagi dan keduanya projek pelancongan Tasik Bera. Kedua-dua tasik ini amat menarik kepada umum, jadi saya hendak tahu adakah UPEN atau siapa yang mengelolakan dan apakah sebab-sebabnya projek-projek ini masih lagi tergendala ataupun bilakah ianya akan dibaikpulih?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti yang saya nyatakan tadi bahawa UPEN ini bukan melaksanakan, ia mengkaji, merancang dan melihat sama ada projek ini sesuai atau tidak sesuai. Lepas itu setelah diluluskan baru dijalankan oleh agensi-agensi lain - Jabatan Kerja Raya, kerajaan negeri dan sebagainya. Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat saya tidak tahulah Tasik Chini ini di bawah UPEN manakah ataupun kerajaan negeri atau Kerajaan Pusatkah. Walau bagaimanapun, saya akan siasat dan beri jawapan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah Unit Perancang Ekonomi Negeri memainkan peranannya sebagai penyelaras di antara agensi-agensi yang terlibat sedangkan Yang Berhormat Datuk ada menyebut tadi beberapa masalah dikenalpasti menyebabkan projek-projek di peringkat negeri tergendala?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi penyelaras di peringkat negeri ialah Majlis Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. Jadi, semua projek yang dirancang dan yang telah diluluskan, ia akan masuk ke dalam Majlis Pembangunan Negeri di mana dari masa ke semasa, Majlis Pembangunan Negeri itu dipengerusikan

oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar - melihat sama ada projek itu ada masalahkah, lambatkah, tergendalakah, ada apa-apa problem, maka Menteri Besar sendiri atau Ketua Menteri menyelaras ataupun melihat apa problem pembangunan tersebut.

Itu Majlis Pembangunan Negeri dan di bawah Majlis Pembangunan Negeri itu ada Jawatankuasa Tindakan Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan (SUK). Ini lebih teknikal di mana yang mengalami apa-apa masalah sebab SUK ini semua jabatan di bawah beliau, maka dialah yang akan mempercepatkan, melihat projek yang mana 'sakit', projek mana tidak 'sakit', projek mana O.K., projek mana K.O. dan sebagainya.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa tiap-tiap negeri ada mewujudkan UPEN tetapi tiap-tiap negeri juga ada badan-badan agensi yang lain seumpamanya PKEN, PKENJ dan yayasan-yayasan ataupun agensi-agensi yang lain tidakkah bercanggah keadaan bila mana menjalankan sesuatu projek bagi sesebuah negeri itu?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perjalanan projek bukan projek itu dijalankan oleh hanya satu agensi. UPEN ini menyelaraskan semua projek, lepas dilulus kajian kemungkinan dan cadangan penswastan negeri dan sebagainya, ia akan pergi kepada ahli Exco, kadang-kadang kerajaan negeri. Bila kerajaan negeri lulus, maka barulah dilaksanakan. Melaksanakannya boleh dijalankan oleh PKENkah, PKENJkah ataupun Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ataupun yayasan ataupun mana-mana agensi.

Walau bagaimanapun, ada juga projek-projek yang tidak datang ke UPEN. Ia terus dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang sebagai badan agensi kerajaan boleh menjalankan projek-projek ekonominya sendiri. Begitu juga yayasan dan yayasan-yayasan yang dipunyai oleh kerajaan negeri, ada yayasan yang tidak dipunyai oleh kerajaan negeri dan yayasan-yayasan ini juga boleh membuat projek-projek ekonomi, projek-projek yang sesuai tanpa melalui UPEN. Jadi, oleh sebab negeri itu memerlukan pembangunan, maka lebih banyak agensi melakukan pembangunan ini bukan hanya satu agensi melalui UPEN sahaja. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagaimanakah pemilihan pegawai-pegawai yang ditempatkan di UPEN ini kerana saya melihat kadang-kadang pemilihan pegawai-pegawai yang ditempatkan di UPEN adalah merupakan pegawai-pegawai yang junior - tidak berpengalaman sedangkan UPEN merupakan satu jabatan yang amat penting untuk pembangunan negeri. Ada juga

ketikanya UPEN ini ditempatkan ataupun menempatkan pegawai-pegawai sebagai, dengan izin, cold storage, pegawai-pegawai yang tidak dikehendaki di tempatkan di UPEN. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana pemilihan dan kewibawaan pegawai-pegawai di dalam UPEN. Terima kasih.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, UPEN adalah satu agensi kerajaan negeri yang sangat penting. Ia dipengerusikan selalunya oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan. Oleh sebab itu ia memberi 'priority' dan keutamaan, sebab ini menentukan arah, matlamat, tujuan, corak pembangunan di negeri tersebut. Jadi, sudah tentulah pegawai-pegawai yang ditempatkan di situ mempunyai kewibawaan mereka yang tersendiri. Oleh sebab UPEN ini mempunyai cabang-cabangnya yang tertentu, maka pegawai-pegawai pun ada spesialisasinya. Kita hanya mempunyai persepsi sebab 'cold storage'kah, dalam peti sejukkah, itu persepsi sahajalah tetapi saya kira kalau kita lihat pembangunan pesat yang berlaku di negeri-negeri sekarang ini, sudah tentu ini melambangkan kewibawaan dan kebolehan pegawai-pegawai di bawah UPEN itu sendiri. Kalau tidak kita tidak akan melihat pembangunan yang pesat berlaku di negeri-negeri pada ketika ini.

PENDEDAHAN AURAT WANITA ISLAM - PENYELARASAN UNDANG-UNDANG

2. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) sama ada kerajaan akan menyelaraskan undang-undang pendedahan aurat di kalangan wanita Islam, supaya tidak terdapat percanggahan di antara kerajaan-kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat; dan
- (b) adakah penerangan secara terperinci akan disebarikan secepat mungkin oleh kerajaan melalui media massa agar undang-undang tersebut dapat difahami dan diketahui oleh seluruh umat Islam di negara ini seperti larangan wanita-wanita Islam memperagakan diri di hadapan khalayak ramai, menyertai peraduan ratu cantik dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tindakan sedang diambil ke arah menyeragamkan undang-undang syarak di negeri-negeri, ini termasuklah undang-undang mengenai pendedahan aurat di kalangan wanita Islam. Usaha penyeragaman ini akan mengambil masa kerana kerajaan perlu menanganinya dengan cara yang bijak tanpa menyinggung mana-mana pihak terutama kerajaan-kerajaan negeri.
- (b) Penerangan dan penjelasan mengenai sesuatu perkara yang akan dilaksanakan oleh kerajaan yang berkaitan dengan orang ramai, terutama

mengenai penguatkuasaan undang-undang adalah perlu. Oleh itu, kerajaan sedang berusaha mencari jalan yang baik dan segera bagaimana sesuatu undang-undang dapat diketahui oleh orang ramai apabila ianya hendak dilaksanakan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan mengenai pendedahan aurat. Apa yang dimaksudkan dengan aurat sama ada rambut - aurat kecil, tangan - aurat sederhana ataupun yang lain - aurat besar, kerana ini perlu diseragamkan. Soal pendedahan aurat ini juga saya hendak bertanya khusus kepada soal pendedahan rambut. Apakah pendedahan rambut itu boleh atau tidak boleh? Kalau tidak boleh, apakah akan diseragamkan dalam undang-undang pendedahan aurat ini. Keduanya, bagaimana untuk mengelakkan kekeliruan bila kita kata rambut itu sebagai aurat dan perlu dipatuhi oleh orang-orang Islam.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, termasuklah perkara ini akan diselaraskan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari penjelasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan, apakah yang dimaksudkan dengan diambil satu strategi yang bijak bagi menyelaraskan keseragaman aurat wanita sedangkan kita selaku umat Islam 14 abad al-Quran itu menjadi perundangan yang boleh diterimapakai memandangkan kepada roh doa yang dibaca oleh Tuan Setiausaha tadi kita patuh di bawah perintah Allah. Ini adalah mengembalikan sesuatu martabat wanita itu sendiri dengan aurat itu perlu kita prihatin. Jadi saya ingin menerima maksud strategi yang bijak bagi melaksanakan dan menyelaraskan aurat wanita. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, strategi yang bijak ialah kita mengutamakan yang amat terpenting. Fiqul aulawiyah - itu strategi yang bijak, sebab ulama besar dunia, saya ini bukan ulama, jauh sekalilah hendak diiktiraf ulama, saya ini hanya manusia kerdil. Dalam Islam, perkara pokok yang kita tekankan ialah keselamatan. Yang kedua, menghapuskan kemiskinan. Yang ketiga, kesihatan. Yang keempat, perkara-perkara yang penting selain daripada ini, ekonomi dan sebagainya. Itu kita mengikut urutan kepentingan di dalam Islam ataupun fiqul aulawiyah.

Negara kita menekankan perkara ini, alhamdulillah, negara kita aman. Dengan keamanan negaralah maka ramai di antara orang yang mencari kepentingan menimbulkan perkara-perkara yang

kecil. Apatah lagi PAS, saya tahu itu sebab lantikan PAS, sebab itu saya masuk cakap dengan PAS. PAS semasa hendak menjalankan hukum hudud telah mengambil pelbagai pandangan, di antaranya termasuklah di Aceh, ada perpustakaan kuno di sana. Orang ini memberi pandangan, dia bertanya, apakah Kelantan semua orang Islam? Maka orang ini menjawab, tidak. Okay. Dia bertanya lain lagi, siapakah yang menjual barang-barang di pasar besar di Kota Bharu? Dia kata, yang ramai perempuan, orang lelaki tidak ada. Orang yang menjual di Kelantan pun, masya-Allah, tak menutup kepala pun setengah mek-mek cantik yang menjual di sana, sama ada betul ataupun tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau macam itu dinasihatkan jangan diutamakan hukum hudud dijalankan di Kelantan. Jadi dinasihatkan tetapi dia hendak buat, itu terpulang kepada dia. Tetapi alhamdulillah, di Kelantan sekarang bukannya menjalankan hukum Islam mengikut hukum hudud, tetapi mengikut undang-undang yang diluluskan semasa Barisan Nasional dahulu, berjalan di Kelantan, alhamdulillah, mengikut apa yang kita jalankan.

Jadi, masalahnya al-Quran bukanlah perlembagaan, al-Quran ini petunjuk. Jangan salah faham, jangan ingat tafsirkan perlembagaan. Itu salah. Al-Quran ini pembimbing, petunjuk ke arah kita untuk membuat benda-benda yang baik yang dikehendaki oleh Islam, itu yang sebenarnya, sebab ada yang kita mesti jelaskan dengan cara yang lain daripada apa yang ada dalam al-Quran. Sebab itulah dalam usaha kita mengenai dengan aurat ini mestilah kita betul-betul menentukan, sebab bukan semua negara Islam menjalankan perkara ini. Banyak tempat lain di negara Mesir, kalau misalnya dikatakan negara Islam, begitu juga ada tarian gelek dan sebagainya. Jadi benda inilah sebabnya kita perlu betul-betul berfikir supaya kita hendak melaksanakan ini dalam usaha kita hendak menyelaraskan ini, betul-betul kita berfikir mengambil pendapat daripada ulama-ulama besar dahulu dan sekarang barulah kita selesaikan. Janganlah kita mengutamakan perkara yang kecil, benda yang besar kita ketepikan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yim Chee Chong: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta laluan. Baru tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut tentang hukum hudud PAS. Adakah Yang Berhormat sedar masyarakat Cina di Malaysia ini menentang hukum hudud PAS yang dicadangkan itu? Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah, memanglah hukum hudud ini banyak orang mengatakan hendak dijalankan kepada orang Islam sahaja. Itu paling sederhanalah yang kita hendak buat. Jadi, kalau ada orang lain memberi pandangan yang tidak baik, tambahan orang bukan Islam, itu memang biasalah. Tetapi kalau kita jalankan, mestilah orang Islam sahaja.

Tuan Yim Chee Chong: Saya minta laluan, bahawa Setiausaha Parlimen mengatakan hukum hudud itu kepada orang Islam sahaja, tetapi semasa saya menjadi Ahli Parlimen kawasan Seremban pada masa dahulu, Ahli Parlimen PAS mengatakan hukum hudud itu bukan dilaksanakan kepada orang Islam tetapi juga dilaksanakan kepada orang yang bukan Islam. Pada hemat saya inilah tidak adil dan saksama, tidak menghormati agama bangsa yang lain dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak hendak bahas perkara hududlah.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tidak bahas, tetapi inilah sebabnya kita berfikir sebab kita ada banyak kaum dalam negara kita, ini memang kita ambil fikiran yang sewajarnya mengikut Islam.

Ramai Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Oh, ramai ini. *[Ketawa]* Sila yang di depan dahulu.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya amat berterima kasih di atas penjelasan berkenaan undang-undang pendedahan aurat di kalangan wanita Islam. Cuma saya rasa di sini, saya akur dan berbesar hati bahawa agama itu tidak ada gender di sini. Jadi, bolehkah kalau kerajaan menerima menyelaraskan undang-undang pendedahan aurat di kalangan umat Islam, bukan wanita Islam tetapi umat Islam, kerana saya rasa ini adalah terkena kepada kedua-dua gender sekali.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memanglah mengenai aurat ini kedua-dualah, laki-laki dan perempuan. Tetapi ada beza di antara aurat laki-laki dengan aurat perempuan. Aurat lelaki ini mudah sedikit, tidak begitu macam aurat perempuan. Tetapi saya hendak ceritakan proses pakaian ini semasa Nabi Adam keluar daripada syurga, setelah dia makan buah yang dilarang oleh Tuhan, dia telah tercampak ke dunia, masa itu Nabi Adam hanya menutup kemaluannya sahaja. Itu proses kita hidup di atas muka bumi ini. Ketika itu orang jahiliah kalau tawaf di Ka'abah itu, dia menutup itu sahaja. Kemudian apabila manusia ini bertambah moden, ayat Quran pun turun menambah supaya menjaga maruah Islam ini, pakaian itu agak meningkat sehingga dibezakan di antara

aurat laki-laki dengan aurat perempuan. Masalahnya sekarang ialah kita menekankan kedua-dua ini, kita tidak ada membezakan aurat perempuan sahaja bahkan kita juga mengenakan aurat laki-laki, tetapi aurat laki-laki ini ada ringan sedikit dengan aurat perempuan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana ramai sangat, saya ingat baik berhentilah, dengan bersuratlah pula kerana masa tidak mengizinkan, maaflah ya. Tolong hantar surat, kemudian boleh Setiausaha Parlimen menjawab. *[Tepuk]*

PENAGIH DADAH - STRATEGI BARU MENANGANI

3. Dato' Ting Check Sii minta Menteri Dalam Negeri menyatakan walaupun Kempen Anti Dadah telah berjalan selama 14 tahun, tetapi bilangan penagih dadah di seluruh negara masih tinggi iaitu 30,598 orang pada akhir tahun 1996. Daripada jumlah ini, 13,846 orang adalah penagih baru. Adakah kempen ini berkesan untuk mengurangkan bilangan penagih dadah. Jika tidak, adakah Kementerian beliau bercadang untuk mengubah strateginya. Jika ada, apakah strategi baru ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, masalah dadah memanglah sukar untuk dihapuskan dengan segera. Usaha-usaha kerajaan untuk menghapuskan dadah memang ada kesannya. Kerajaan memanglah masih tidak puas hati di atas keadaan sekarang dan sedang memperhebatkan lagi usaha untuk membasmi dadah. Buat masa ini kerajaan belum bercadang mengubah strategi anti dadah negara kerana dasar dan strategi baru yang dilaksanakan pada tahun 1996 adalah masih baru.

Kerajaan juga telah mewujudkan Majlis Dadah Kebangsaan untuk mengawal masalah dadah dan usaha memperhebatkan aktiviti pencegahan sedang berjalan. Apa yang penting sekarang ialah semua lapisan masyarakat perlu bersama untuk membasmikan dadah ini.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan pusat-pusat pemulihan dadah di Malaysia. Pada beberapa tahun kebelakangan ini didapati beberapa pusat pemulihan dadah, penagih-penagih dadah melakukan kes-kes jenayah seperti melakukan huru-hara, membakar bangunan pusat, melarikan diri daripada pusat pemulihan. Pihak Kementerian pernah mengatakan akan menjatuhkan hukuman yang berat terhadap mereka yang melakukan kesalahan itu, tetapi pada hemat saya Kementerian Dalam Negeri harus menubuhkan satu jawatankuasa penyiasatan untuk menyiasat apakah sebabnya penagih dadah berbuat demikian, apakah sebabnya tidak puas hati tentang disiplin di pusat pemulihan itu supaya mereka akan menjadi warganegara yang berguna dalam masyarakat kita. Apakah sebabnya melakukan perangai yang jahat itu? Jadi, saya minta Kementerian Dalam Negeri kalau boleh menubuhkan satu jawatankuasa penyiasatan sebelum melaksanakan hukuman yang lagi berat terhadap mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu Ucapan Penangguhanlah. *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah minta supaya bolehkah atau tidak Kementerian Dalam Negeri menubuhkan satu jawatankuasa penyiasatan? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak sampai perlukan satu jawatankuasa. Sebenarnya Kementerian Dalam Negeri di bawah agensi dadah kebangsaan telah pun menyiasat masalah yang timbul ini dan kita tahu sebab-sebabnya, iaitu dahulu pusat serenti mementingkan mereka yang masih boleh kita pulihkan, baru masuk pusat serenti, iaitu mereka ini merupakan golongan yang tidak begitu tegar (not hard core). Tetapi baru-baru ini kita tidak melepaskan juga hard core, kita tidak mahu mereka itu berleluasa di bandar-bandar raya, sebab itu kita masukkan juga hard core ke dalam pusat-pusat serenti. Hard core ini degil, dia masuk, dia menghasut, dia tidak mahu kerjasama dan sebagainya. Inilah jadi salah satu punca.

Pada masa kini Kementerian Dalam Negeri sedang mengadakan penyusunan semula pusat-pusat serenti ini di mana kita hendak mengkategorikan mereka, tidak hendak beri yang penghasut itu campur dengan orang yang baik-baik dan sebagainya. Dari segi hukuman, memang undang-undang sedia ada pihak polis boleh menyiasat, tidak kira sama ada dia penagih atau tidak, kita boleh dakwa dia ikut undang-undang. Jikalau merusuh, membakar ataupun merosakkan harta benda awam, semua itu kita boleh ambil tindakan ikut undang-undang biasa. Pada masa kini kita sedang tengok Akta Pemulihan Dadah (Rawatan) ini di mana kalau boleh kita hendak ketatkan lagi hukuman dari segi sebatan dan sebagainya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Mengikut kajian yang saya tahu mereka yang terlibat dengan dadah terdiri daripada kebanyakan belia-belia dan mereka yang masih lagi productive, dengan izin, umur antara 16 hingga 30 tahun. Mengikut kajian juga mereka yang terlibat kebanyakan terlibat kerana galakan rakan sebaya dan juga ingin mencuba. Daripada fenomena angka-angka kajian yang kita dapat tahu ini, saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian mempunyai program bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan dan juga pertubuhan-pertubuhan belia untuk memastikan belia-belia yang belum lagi terlibat dengan ketagihan dadah ini supaya dapat dibendung mereka yang belum lagi terlibat. yang telah terlibat, apa yang kita dapat tahu susah untuk dipulihkan. Saya kira kita harus mengambil langkahannya supaya yang belum terlibat ini dapat kita elakkan mereka daripada ramai terlibat dengan penagihan dadah.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang benar dan saya setuju sepenuhnya dengan pandangan Yang Berhormat bahawa yang penting sekali kita kena buat pencegahan. Kerana kalau bila orang itu sudah menagih, susah kita hendak pulihkan, dan sudah lewat kalau sampai tahap itu baru kita bertindak. Pada masa kini bukan sahaja kita heatkan program pencegahan awalan untuk orang awam, bahkan pada masa kini Majlis Dadah Kebangsaan juga dengan secara khas dan istimewa kita adakan satu Jawatankuasa Pemulihan dan Pencegahan di peringkat sekolah.

Pada pendirian dan pandangan kementerian, pada peringkat sekolahlah tidak kira dia sekolah rendah atau sekolah menengah, masa itu kita kena pastikan daya tahan diri, benteng untuk menahan diri untuk anak-anak kita ini perlu diwujudkan pada peringkat itu sampai mereka jadi belia pun kita ingat sudah lewat. Itu sebabnya Kementerian Dalam Negeri sekarang telah memperhebatkan banyak mesyuarat dan perancangan yang melibatkan semua jabatan, bukan sahaja Jabatan Belia, tetapi Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Biro Tata Negara, Bahagian Keselamatan Jabatan Perdana Menteri semua terlibat secara bersepadu. Inilah satu usaha yang sangat kita pandang serius.

**PEMBANTU RUMAH WARGA ASING - JAMINAN
TERHADAP KESIHATAN DAN KESELAMATAN
KANAK-KANAK JAGAANNYA**

4. **Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) apakah dasar kementerian mengenai pembantu rumah dari warganegara asing dalam konteks pengaruh dan pembangunan kanak-kanak dalam jagaan mereka; dan
- (b) apakah jaminan kementerian yang mereka diberi permit pembantu rumah adalah bebas dari penyakit, rekod jenayah, bukan pendakwah agama tertentu dan mempunyai latihan minimum menjaga kanak-kanak.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pendirian kerajaan ialah pembantu rumah dari negara asing perlu menyesuaikan diri dengan keadaan masyarakat dan nilai akhlak moral negara kita, dan pihak majikan perlu sentiasa menyelia dan mengawasi gerak-geri mereka, kerana mereka inilah akan mempengaruhi keluarga mereka sendiri.
- (b) Salah satu syarat yang dikenakan sebelum warganegara asing dibenarkan bekerja di negara ini ialah mereka dikehendaki menjalani peperiksaan perubatan. Dalam hubungan ini, pembantu rumah warganegara asing yang ingin bekerja di negara ini dimestikan menjalankan peperiksaan perubatan bagi memastikan mereka bebas dari penyakit berjangkit.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa lalu kita ada mencadangkan supaya Kementerian Sumber Manusia mengadakan pusat didikan kanak-kanak di jabatan-jabatan dan juga termasuk agensi swasta. Sejauh manakah keperluan kita untuk

membenarkan kemasukan pengasuh-pengasuh daripada luar dalam usaha hendak mendidik anak-anak kita?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu di luar daripada bidang saya. Kementerian lain mungkin boleh beri pandangan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin penjelasan mengapakah soalan ini dijawab oleh Kementerian Dalam Negeri, kerana soalan ini banyak menyentuh tentang dasar dan juga tindakan pihak kementerian berkenaan mengenai perkara-perkara yang telah saya kemukakan?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa bertanggungjawab secara kolektif. Kadangkala kita bantu antara satu sama lain, kerana bahagian (b) ada kaitan dengan tugas Imigresen dan bahagian lain pun kita sentiasa ambil maklum balas daripada kementerian lain. Jadi, tidak ada masalah kalau satu kementerian itu jawab bagi pihak yang lain.

AKTA PILIHANRAYA - CADANGAN MEMINDA

5. **Tuan Yim Chee Chong** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan berniat meminda Akta Pilihan Raya yang membolehkan pempetisyen pilihan raya yang gagal dalam Mahkamah Tinggi dapat merayu ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan untuk menolak keputusan yang silap.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) masih lagi mengkaji sama ada kita perlu atau tidak untuk meminda akta yang berkaitan dengan pilihan raya bagi membolehkan keputusan hakim pilihan raya terhadap kes petisyen pilihan raya dirayu di mahkamah yang lebih tinggi.

PENGANGKUTAN PERKAPALAN - USAHA MEMAJUKAN

6. **Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah usaha kerajaan memajukan pengangkutan perkapalan di negara ini bagi membantu mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas udara dan darat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah diambil oleh kerajaan bagi memajukan pengangkutan perkapalan. Antaranya menubuhkan Tabung Perkapalan pada tahun 1993 sebagai pinjaman jangka panjang kepada syarikat-syarikat perkapalan dan juga limbungan kapal dengan kadar yang munasabah.

Pada Belanjawan 1997, kerajaan telah menambahkan RM200 juta kepada kemudahan pembiayaan perkapalan. Dengan itu, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.3 ribu juta dari tahun 1993 hingga sekarang. Kerajaan juga telah memberi galakan-galakan kepada sektor pengangkutan perkapalan seperti berikut, iaitu:

- (i) pendapatan syarikat-syarikat perkapalan yang diperolehi dari operasi kapal milik daftaran Malaysia dikecualikan daripada cukai selaras dengan Akta Cukai Pendapatan 1967;
- (ii) dividen yang diagihkan oleh syarikat-syarikat perkapalan kepada pemegang-pemegang saham dikecualikan daripada cukai;
- (iii) tiada duti import dan cukai tokok dikenakan ke atas kapal-kapal yang beratnya melebihi 26 gross registered ton;
- (iv) duti import ke atas kapal-kapal yang beratnya kurang daripada 26 gross registered ton dikurangkan dari 30% kepada 25% sejak Oktober 1995.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan pengangkutan perkapalan negara kurang berkaitan dengan kesesakan lalu lintas udara mahupun darat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini sejauh manakah penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam bidang pengangkutan perkapalan, dan apakah usaha-usaha kerajaan dari segi hendak menggalakkan kaum bumiputera terlibat di dalam syarikat-syarikat perkapalan?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Setakat ini, penglibatan syarikat-syarikat di Malaysia menggalakkan. Bagaimanapun, kita dapati syarikat-syarikat takut juga menyertai perniagaan ini oleh kerana ianya melibatkan kos yang besar ataupun risiko yang tinggi. Kerana itu galakan-galakan terus diberikan seperti yang saya sebutkan sebentar tadi dalam jawapan yang awal. Dan penglibatan bumiputera meningkat, yang mana saya suka beritahu, di bawah kemudahan Perkapalan Usahaniaga, Syarikat Perkapalan Global Maritime Venture Bhd. telah pun ditubuhkan, dan Global Maritime Venture Bhd. telah memiliki 33 buah kapal dengan jumlah 1.6 juta tan.

Manakala Tabung Perkapalan yang telah dibentuk pada tahun 1993 yang mengandungi dua komponen, iaitu kemudahan Perkapalan Usahaniaga berjumlah RM500 juta dan kemudahan pembiayaan perkapalan berjumlah RM600 juta telah disediakan sebagai pecahan kepada angka RM1.3 bilion yang saya sebutkan sebentar tadi. Manakala di bawah kemudahan pembiayaan perkapalan

sejumlah RM398.3 juta pinjaman telah pun dikeluarkan untuk 27 buah syarikat perkapalan bagi membeli 34 buah kapal. Sementara itu sebanyak RM103.3 juta diluluskan untuk pinjaman membina limbungan kapal.

Seperti yang saya sebutkan jawapan awal pada 25 Oktober 1996, RM200 juta telah pun ditambah untuk kemudahan pembiayaan perkapalan di bawah Tabung Perkapalan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya kurang airf sama ada soalan ini terkeluar daripada landasan soalan asal, tetapi saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawabnya. Ini bukan soal kesesakan lalu lintas udara, tetapi pengisian lalu lintas udara. Sebagaimana baru-baru ini Ketua Menteri Sabah dalam pelancaran 'Malaysia Boleh, Sabah Boleh' beliau telah menyatakan bahawa Lapangan Terbang Keningau yang pernah saya tanya di Dewan yang mulia ini akan dibuka semula. Apakah kementerian Yang Berhormat telah dimaklumkan mengenai hal ini. Kalau sudah, apa tindakan lanjut?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar, bagaimanapun itu masih dalam pertimbangan kementerian.

PERUMAHAN DI KAWASAN LADANG - KEMUDAHAN PRASARANA

7. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan rancangan kementerian untuk menyediakan kemudahan prasarana dan lain-lain infrastruktur bagi kawasan perumahan di ladang-ladang negara ini. Nyatakan juga sama ada rancangan ini meliputi kawasan perumahan di ladang-ladang yang dipecah (fragmented estates) dan kos bagi rancangan tersebut ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan falsafah dan strategi baru, pembangunan luar bandar ke arah tahun 2020, kerajaan telah bersetuju untuk memperluaskan liputan kemudahan asas dan kemudahan awam kepada penduduk luar bandar termasuklah penduduk di ladang-ladang pecah. Kementerian saya sedang mengumpul maklumat mengenai kemudahan-kemudahan yang sedia ada di ladang-ladang kecil dan pecah bagi membolehkan perancangan dan penyelarasan pelaksanaan kemudahan-kemudahan berkenaan dibuat secara bersepadu. Berhubung dengan kos bagi perancangan ini, ia hanya dapat diketahui apabila maklumat-maklumat yang berkaitan diperolehi dan dianalisa.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan. Adakah kementerian sedar kemudahan-kemudahan infrastruktur tidak disediakan di kampung tersusun, terutama di negeri Perak di kawasan Ipoh. Siapakah yang bertanggungjawab dalam masalah ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya daripada Perak dan saya sedar, *[Ketawa]* kampung-kampung tersusun ini tidak disediakan infrastruktur oleh kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Barisan Nasional yang berjaya telah mengambil perhatian terhadap kampung-kampung ini. Baru-baru ini dua minggu dahulu pegawai saya daripada kementerian telah melawat beberapa kampung tersusun di negeri Perak dan kemudian pada masa kini saya akan buat satu kajian dan bersedia untuk membantu kampung-kampung tersusun. Oleh sebab itu, dalam tahun hadapan kita akan ambil tindakan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang masih ada lagi ladang-ladang yang terus menggunakan penjana sendiri bagi membekalkan elektrik ke rumah-rumah di dalam ladang. Apakah syarat ataupun bagaimanakah pada satu masa dahulu TNB dan ladang ada persetujuan tertentu tentang kuota-kuota tanggungan kos untuk memasukkan bekalan elektrik ke dalam ladang. Tetapi pihak ladang masih tidak mahu bertanggungjawab di dalam menyelesaikan masalah ini walaupun sekarang perlu menggunakan elektrik 24 jam, tetapi di ladang-ladang masih daripada jam tertentu sehingga jam tertentu sahaja. Adakah pihak kerajaan sanggup untuk mengambil alih tanggungjawab ini daripada pihak ladang?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sedar pada masa kini tanggungjawab pihak-pihak kementerian, tuan punya tanah dan TNB. Tetapi kita tidak terima galakan daripada tuan punya tanah. Oleh sebab itu, dalam proses baru yang dikenalkan oleh Kabinet pada masa kini, kementerian 100% ambil alih dan kita akan paksa majikan untuk membekalkan bekalan elektrik 24 jam.

PROGRAM PENYELIDIKAN DI UNIVERSITI - PERATUS PERUNTUKAN

8. **Tuan Ding Seling** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa peratus peruntukan/perbelanjaan setiap tahun untuk universiti-universiti di negara ini yang dikhaskan untuk penyelidikan (research) dan berapakah bilangan ahli-ahli akademik dan saintis yang kini dianggap sebagai penyelidik (researcher) sepenuh masa.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini peruntukan untuk penyelidikan adalah di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Adalah dianggarkan lebih RM1 bilion telah disediakan untuk program penyelidikan dalam semua bidang di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Kerajaan pada dasarnya memang menggalakkan ahli-ahli akademik supaya bergerak aktif dalam program penyelidikan dalam semua bidang yang memanfaatkan proses perindustrian negara kita. Tambahan pula, selain daripada pengajaran dan pembelajaran, setiap ahli akademik memang diperlukan membuat penyelidikan dalam bidang kepakarannya serta menerbitkan hasil penyelidikan seperti penulisan buku dan jurnal.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita dapati terlalu banyak terutama sekali berhubung dengan penyakit, kuman-kuman dan sebagainya, terpaksa kita dapatkan khidmat daripada pakar-pakar dari luar negara seperti Amerika. Adakah pihak kementerian ataupun kerajaan sedar bahawa institusi pengajian tinggi ataupun pihak penyelidik yang ada di negara kita mampu berbuat demikian, tetapi adakah kerajaan berusaha membawa balik pakar-pakar dari negara kita yang berada di luar negara. Apakah usaha kerajaan sama ada kerajaan ingin memberi insentif khas kepada mereka, memberi insentif kepada institusi pengajian tinggi, menyediakan kemudahan yang cukup dan memberi galakan kepada mereka yang berminat di dalam bidang ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, ada dua point di sini. Yang pertama, saya rasa Malaysia sebagai sebuah negara yang maju tetapi kecil, kita dalam bidang tertentu khususnya dalam bidang baru perubatan dan sebagainya memang kadangkala kita perlu menggunakan kepakaran dari luar negara, saya rasa itu merupakan satu fenomena globalisasi di mana kita perlukan bantuan dari negara yang lain kita akan minta dan juga ada bidang-

bidang di mana Malaysia mempunyai kepakaran khususnya di bidang, dengan izin, tropical medicine, negara-negara yang lain meminta pakar-pakar kita pergi ke sana menolong mereka. Jadi, ini merupakan satu fenomena globalisasi.

Kedua, memang kementerian dan kerajaan ada satu skim di mana kita menggalakkan saintis rakyat Malaysia yang bertugas di luar negara, kita galakkan mereka balik dengan ganjaran yang lebih dan sebagainya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya biasa melawat ke negara jiran di negeri Thai di mana kita melihat bahawa industri pertanian mereka lebih baik daripada negara kita. Saya dapati perkembangan industri pertanian mereka ada hubungan dengan universiti-universiti yang membekalkan kepakaran dan juga membantu pembangunan industri pertanian di sana.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan menyedari perkara ini dan adakah pihak kerajaan ingin mengambil langkah-langkah yang serupa supaya negara kita juga yang mempunyai sumber alam yang baik dapat kita eksploitasikan di dalam bidang ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, memang dalam bidang-bidang tertentu Malaysia kita akuilah ada bidang-bidang tertentu di mana kita perlulah mempelajari daripada pengalaman negara jiran, tetapi dalam bidang pertanian juga kita ada bidang-bidang di mana kita mempunyai kekuatan dan negara-negara yang lain mempelajari

daripada negara kita seperti bidang getah, bidang kelapa sawit dan sebagainya dan negara-negara jiran selalunya meminta nasihat daripada kita.

Jadi, ini merupakan satu fenomena kerjasama di antara negara-negara lain yang seterusnya Kementerian Pendidikan akan terus menggalakkan universiti-universiti tempatan memperkuat program-program mereka dalam bidang-bidang di mana kita masih belum sampai ke satu tahap yang boleh dibanggakan supaya kita boleh jadi, in a two sense of the world, dengan izin, satu sistem pendidikan yang sampai ke tahap bertaraf dunia.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta pihak kerajaan menyatakan kepada Dewan yang mulia ini seperti yang berlaku di UK misalnya, di mana universiti-universiti di sana membuat 'bidding' ataupun memaparkan penyelidikan yang hendak dibuat untuk sekian banyak dana yang dikhususkan oleh pihak kementerian bagi tujuan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, di England misalnya, University Oxford, Cambridge, setiap tahun memang teratas sekali dalam senarai selain daripada Sussex dan sebagainya. Jadi, di Malaysia ini dengan wujudnya pelbagai masalah gejala sosial misalnya dan isu-isu semasa, adakah universiti-universiti ini digalakkan memohon dana peruntukan untuk membuat penyelidikan dan pihak kementerian menentukan pula bidang-bidang mana yang sepatutnya diberikan keutamaan kerana setakat ini saya tidak nampak dan tidak ada universiti di Malaysia hingga setakat ini yang terkemuka dalam sesuatu bidang

terutama di dalam bidang penyelidikan yang kini digalakkan oleh pihak kerajaan. Jadi, sila kalau dapat pihak kerajaan memberikan sedikit penjelasan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah hasrat Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan penyelidikan dan kita juga menubuhkan Lembaga Akreditasi Negara. Antara fungsi LAN tersebut ialah untuk memberi akreditasi kepada kolej-kolej swasta dan juga memberi nasihat kepada universiti-universiti tempatan dari segi taraf mereka, dari segi penyelidikan, dari segi hasil-hasil inovasi dan sebagainya dan saya rasa saya bersetujulah kita sampai ke tahap sekarang di mana kita perlulah galakkan satu suasana di mana universiti-universiti tempatan kita boleh menerima secara terbuka, dengan izin, constructive criticism dan untuk boleh menerima secara terbuka satu sistem ranking untuk membolehkan mereka bekerja lebih kuat.

Saya rasa cadangan itu adalah baik dan Kementerian Pendidikan bersetuju dan kita akan terus meminta kerjasama dari universiti-universiti tempatan supaya kita boleh mengadakan satu sistem, satu environment, dengan izin, di mana kita boleh menggalakkan persaingan di antara universiti-universiti secara sihat.

SUKOM - KEMUDAHAN HOTEL BUDGET

9. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan memandangkan Sukan Komanwel Ke-16 akan membawa ramai pelancong dari seluruh dunia yang mempunyai taraf masyarakat dan kewangan yang berbeza. Hotel-hotel mungkin mencukupi untuk pelancong yang kaya kerana terdapat banyak hotel yang bertaraf antarabangsa masa kini:-

- (a) adakah hotel-hotel yang mencukupi untuk golongan yang mempunyai pendapatan rendah; dan

- (b) apakah langkah-langkah telah diambil oleh kementerian untuk memastikan harga sewa hotel tidak dinaikkan tiba-tiba. Kenaikan harga sewa hotel akan membawa imej buruk kepada negara kita dan rakyat tempatan juga dipengaruhi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Mohd.

Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berpandangan bahawa bilangan bilik-bilik hotel di sekitar kawasan Lembah Klang di mana acara-acara Sukan Komanwel 1998 akan berlangsung adalah mencukupi bagi menampung keperluan semua pelancong-pelancong.

Untuk makluman, sehingga bulan Jun tahun ini, bilangan bilik bagi hotel *budget* iaitu hotel-hotel yang bertaraf 1-3 bintang di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor adalah sebanyak 3,569 buah yang menawarkan kadar sewa maksimum sebanyak RM150 nett atau RM130 ++ sehari. Selain dari itu, para pelancong juga boleh menginap di hotel-hotel tanpa taraf bintang yang menawarkan bilik-bilik dengan kadar sewa maksimum RM80 sehari.

Menurut rekod Pendaftaran Hotel dan Projek Pelancongan baru yang dijalankan oleh kementerian, kawasan Lembah Klang dan persekitarannya dijangka akan mengalami pertambahan sebanyak 6,821 lagi bilik

hotel bertaraf 1-3 bintang untuk tempoh 1997/1998. Ini adalah satu peningkatan yang besar dan jumlah tersebut dilihat sebagai mampu memenuhi keperluan terhadap hotel-hotel bertaraf *budget* menjelang Sukan Komanwel nanti.

Selain dari kawasan Lembah Klang, Langkawi, yang juga merupakan tempat bagi beberapa acara Sukan Komanwel 1998 mempunyai jumlah bilik hotel 1-3 bintang sebanyak 1,229 pada masa ini.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dimaklumkan bahawa Biro Penginapan SUKOM '98 (SUKOM Accomodation Bureau '98) telah pun menempah dan membuat bayaran untuk 142,566 'room nights' iaitu lebih kurang 9,000 buah bilik di Wilayah Persekutuan, Selangor dan Langkawi bagi menampung keperluan pelawat-pelawat yang akan tiba di sepanjang Sukan Komanwel 1998. Dengan itu, dijangkakan bahawa bilangan bilik-bilik hotel adalah mencukupi semasa acara tersebut berlangsung kelak.

- (b) Memandangkan SUKOM 1998, melalui Biro Penginapannya telah pun menempah dan membuat bayaran untuk 142,566 'room night', perkara sewa bilik hotel akan naik dengan secara tiba-tiba dapat dielakkan.

Di samping itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Menstabilkan Harga Barangan dan Caj Perkhidmatan di Langkawi yang berurusetia di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, telah meminta Persatuan Hotel dan Chalet Langkawi untuk mempamerkan kadar sewa hotel dengan jelas di hotel atau chalet ahli-ahlinya. Pihak hotel dan chalet juga telah diminta untuk mempamerkan kadar diskaun yang akan diberikan pada hari-hari biasa serta pada hari-hari di dalam musim percutian. Dengan mempamerkan kadar harga ini, para pelawat atau pelancong tidak akan terpedaya atau keliru dengan kadar sebenar yang akan dikenakan ke atas mereka.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setakat ini berapa banyakkah jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam persiapan mengadakan Sukan Komanwel dan berapakah jumlah anggaran pendapatan yang akan kita dapat dalam jangka pendek dan strategi jangka panjang keuntungannya.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak ada angka-angka itu kerana sebagaimana yang kita ketahui sekarang ini SUKOM di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Jadi, kita tidak ada angka-angka itu Yang Berhormat. Minta maaf!

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, memandangkan kementerian yang berkenaan membangunkan hotel yang begitu banyak bagi menghadapi masalah SUKOM, jadi, apakah kementerian telah merancang suatu jangka panjang, apabila SUKOM itu selesai dan apakah kegunaan hotel ini sekiranya tidak dipenuhi oleh pelancong-pelancong bagi setiap tahun? Bukankah ini merupakan satu pembaziran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan kementerian yang menyediakan hotel, hotel ini didirikan oleh pihak swasta!

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya, terima kasih.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

[Ketawa]

AIR PAIP - PENGENDALIAN DAN KAWALAN MUTU

10. **Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah proses pengendalian air paip di negara kita mematuhi piawaian kesihatan antarabangsa.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem bekalan air adalah di bawah pengendalian agensi-agensi kerajaan negeri seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air atau Lembaga Air Tempatan.

Walau bagaimanapun, Cawangan Bekalan Air di Ibu Pejabat JKR, Kementerian Kerja Raya adalah agensi Persekutuan yang menyelaraskan perkara-perkara berkaitan sistem bekalan air termasuk perancangan, rekabentuk, pembinaan dan pengendalian.

Bagi mengawasi kualiti air minum yang dibekalkan, Kementerian Kesihatan ada melaksanakan Program Kebangsaan Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) di seluruh negara semenjak tahun 1986. Daripada program tersebut, sehingga setakat ini adalah didapati bahawa kualiti air minum secara keseluruhannya mematuhi kepada Piawaian Kebangsaan Kualiti Air Minum yang diasaskan berdasarkan garis panduan World Health Organization (WHO).

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada air paip penduduk-penduduk kita sekarang ini khususnya di Lembah Klang ini minum air galian, dengan izin, mineral water. Jadi, bolehkah pihak kerajaan memberi jaminan bahawa air galian yang kita minum itu tidak datang daripada air paip? Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, memang mereka yang ada jual air mineral ini ada berdaftar ataupun mendapat kebenaran daripada kementerian sebelum mereka mengeluarkan air dari kilang mereka.

Tuan Jiuin bin Jimin: Tuan Yang di-Pertua, kita telah membincangkan banyak mengenai kualiti air minum. Ini sudah tentu kepada orang bandar yang ada paip. Yang saya ingin tanya di sini, berapa peratuskah di seluruh negara ini yang belum mendapat air daripada paip iaitu minum air sungai?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kementerian saya boleh jawab. Minta kementerian lain yang bertugas menjawab. Kita menjaga kualiti air sahaja. *[Ketawa]*

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ada laporan mengatakan Malaysia mempunyai isian aluminium yang tertinggi dalam air paip. Soalan tambahan saya, apakah tahap, dengan izin, aluminium content, dalam air paip kita dan adakah kementerian sedar bahawa aluminium yang banyak diambil akan menyebabkan penyakit Alzheimer? Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan pakar, saya boleh bagi dengan content air itu tetapi walau bagaimanapun, saya boleh berjanji di sini kualiti air yang kita berikan adalah memuaskan dan diterima oleh WHO.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa kementerian telah mematuhi piawaian kesihatan antarabangsa. Soalan tambahan saya adakah kementerian dapat membuat satu arahan kepada hotel-hotel di seluruh negara yang menyatakan bahawa air paip kita boleh diminum dengan selamatnya sebagaimana negara-negara lain?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, WHO ada memberitahu mutu air kita lebih baik daripada tempat lain. Tidak payah kita minum mineral water, lebih baik kita boleh menerima sebab itu air baik. *[Ketawa]*

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalnya begini. Bolehkah kita tulis dengan jelas di dalam bilik-bilik mandi atau di mana-mana di hotel bahawa air paip kita boleh diminum dengan selamat?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tengok di banyak hotel, mereka kata dengan tulis di paip "safe drinking water" - ada tulis.

**MENGULAMAKKAN PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI
KERAJAAN - LANGKAH KERAJAAN**

11. Puan Jamilah binti Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengulamakkan pegawai-pegawai tinggi kerajaan terutama sekali di dalam Angkatan Tentera, Pasukan Polis dan sebagainya dan sebaliknya mengintelekan pegawai-pegawai tinggi agama di dalam kementerian /jabatan kerajaan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memberi ilmu mengulamakkan pegawai-pegawai tinggi kerajaan terutama sekali dalam Angkatan Tentera seperti mewujudkan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dan dasar penerapan nilai-nilai Islam kepada semua agensi awam. Juga digalakkan mengadakan program-program kerohanian seperti ceramah agama, kursus kefahaman Islam, seminar, bengkel dari masa ke semasa dan lain-lain pengetahuan berhubung dengan menjaga keselamatan negara dan ilmu pengetahuan bagi membangun dan memajukan negara.

Pegawai-pegawai tinggi agama pula telah dapat mengikuti kursus jangka panjang dan pendek di dalam dan luar negeri seperti Kursus Pengurusan Strategi, komunikasi yang berkesan dan lain-lain. Tidak ketinggalan juga kerajaan telah berusaha meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai agama dalam bidang multimedia khusus mengenai maklumat Islam.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai ulamak ini, saya hendak tahu daripada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, apakah ada mana-mana pihak dalam negara kita yang mendakwa bahawa mereka adalah merupakan barisan ulamak atau kepimpinan ulamak ataupun pemerintahan ulamak dan kalau ada bolehkah namakan dan apakah penelitian daripada Jabatan Perdana Menteri dari segi kesan pemerintahan ulamak dari segi pembangunan rohani dan jasmani kepada negeri yang diperintah itu?

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tafsiran mengenai ulamak ini banyak. Ada orang yang hanya mengusulkan yang ulamak ini ialah orang yang berpengetahuan tinggi dalam bidang agama sahaja tetapi ada juga yang mentafsirkan siapa sahaja yang mahir dalam ilmu bidang-bidang yang lain, yang bukan ilmu itu menyalahi agama Islam juga dipanggil ulamak sebab ulamak ini daripada 'ilmu' cakap Arab.

Di dalam Quran ada sebut [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] ertinya "Sesungguhnya orang yang takut kepada Allah ialah daripada hambaNya yang berilmu". Jangan kita ingat apabila kita tahu sedikit ilmu agama bererti kitalah jaguh agama yang takut kepada Allah dan kitalah yang sebenarnya Islam tetapi ada juga orang yang mendalam dalam ilmu yang lain - ilmu Fizik misalannya, ilmu kedoktoran misalannya, kadang-kadang orang ini lebih bertaqwa dan beriman kepada Allah kerana

mereka ini tahu bahawa kuasa yang lebih kuat ialah Allah Subhanahu Wata'ala. Sebab itulah, janganlah kita apabila kita mendapat sedikit sebanyak ilmu agama, kita menafikan orang lain dan menyatakan orang lain bukannya ulamak ataupun berilmu. Kalau ini sikap yang kita tanamkan, ini adalah amat salah dari segi Islam.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masa pun sudah habis. Saya ingat habis jawab ini orang lain pun tidak boleh tanya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah apa sahaja bidang yang kita buat mesti sesuai dengan ilmu. Kita tidak bolehlah hendak membuat bangunan, misalnya, kita mengatakan kita tidak tahu ilmu membuat bangunan, bagaimana? Mesti orang itu ulamak ataupun berilmu dalam kejuruteraan, baru boleh buat bangunan. Jadi, semuanya ini meliputi selagai ilmu itu diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, maka ilmu itu memberi kebaikan kepada manusia, maka ini juga dikira siapa yang ada ilmu itu bererti orang yang berilmu. Sebab itulah kita janganlah mentafsirkan masalah ulamak ini terlalu sempit. Kalau ini kita gunakan, maka sentiasa sempitlah manusia di bawah mana-mana pemerintah yang berkeadaan demikian.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian tersebut tetapi soalan tambahan saya di sini, apakah dengan kursus-kursus yang diberi kepada profesional dan kepada para ulamak, yang sebenarnya semua ilmu itu adalah hak milik Allah, kita tidak menafikan ilmu profesional engineering, kedokteran dan sebagainya adalah keilmuan, cetusan daripada kurniaan Allah. Jadi, saya ingin mendapat makluman sekiranya kursus-kursus ini diberi kepada kedua-dua pihak, apakah ianya akan menjamin tidak akan berlaku lagi rasuah dan penyelewengan di kalangan mereka yang telah mendapat 'murakib finnas', kawalan-kawalan dalaman yang takut bahawa setiap kerja yang kita buat, benda yang tidak betul itu adalah di'observe'kan oleh Allah dan para Malaikat? Terima kasih.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Jam sudah pun.....

Tuan Yim Chee Chong: Boleh, satu minit sahaja Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya minta ya. Terima kasih. Ini soalan tambahan yang sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua: Apa penting?

Tuan Yim Chee Chong: Just one thing. Apa soalan tambahan saya yang penting sebab ini berkenaan dengan soalan silap, ini soalan silap. Bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Silap macam mana?

Tuan Yim Chee Chong: Soalan yang silap.

Tuan Yang di-Pertua: Silap apa itu?

Tuan Yim Chee Chong: Soalan mengikut pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli Yang Berhormat setuju atau tidak terhadap pandangan saya. Soalan ini adalah soalan yang silap oleh kerana mengikut soalan ini semua pegawai-pegawai tinggi harus memeluk agama Islam tetapi banyak pegawai-pegawai yang bukan Islam, apakah kedudukannya? Jadi, adakah memaksa mereka memeluk agama Islam atau tidak, oleh itu pada pandangan saya ini adalah soalan yang silap. *[Ketawa]*

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya jawab begitu rupa. Saya menganggap memang soalan itu pun tidak berapa tepat. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 58 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUKAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.”
[4 Ogos 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz sila sambung. Barangkali tidak boleh lama lagilah ya.

3.42 ptg.

Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang sekali lagi untuk meneruskan.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta jangan lama sangat ya. Jangan panjang sangat ya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:untuk meneruskan, ya Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tidak, pendek sahaja. Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997. Hari semalam kita difahamkan rang undang-undang ini sebenarnya maksudnya ialah untuk hendak menentukan pegurusan dan pentadbiran sukan di negara kita ini mempunyai kerangka struktur pengawasan menerusi akta ini yang akan dimainkan peranannya oleh kementerian yang berkaitan. Jadi, apabila wujudnya rang undang-undang ini kita menganggapkan kegiatan-kegiatan sukan dengan adanya badan-badan yang tertubuh, mengikut senarai ini sehinggakan ianya sampai 39 dapat berjalan dengan baik, bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga di dalam meningkatkan perhubungannya dengan badan-badan peringkat antarabangsa.

Kita juga ingin mencetuskan pandangan Dewan ini terutama sekali dari segi kepimpinan badan-badan sukan. Hari semalam, ada saudara saya menyebut kepimpinan badan-badan sukan ini kalau sekiranya dipegang oleh seseorang mungkin ianya tidak dapat berjalan dengan baik. Saya perhatikan badan-badan sukan di negara kita ini dua daripadanya dipimpin oleh Kebawah Duli Tuanku - Sultan Pahang memimpin Persatuan Bola Sepak Malaysia dan juga Sultan Perak memimpin Persatuan Hoki. Yang lainnya kebanyakannya ahli-ahli politik termasuklah ahli para menteri, timbalan menteri dan sebagainya.

Di dalam pertubuhan bola sepak, misalnya, selain daripada Sultan Pahang yang menjadi presidennya, terdapat bekas menteri Malaysia dan juga kita dapati juga beberapa orang timbalan menteri termasuk seorang menteri sekarang ini iaitu Wilayah Persekutuan yang duduk di peringkat kebangsaan sekarang ini ialah Yang Berhormat Dato' Megat Junid, misalnya dan juga Yang Berhormat Datuk Dr. Ibrahim Saad dan juga Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Daud - menduduki di peringkat Jawatankuasa Kebangsaan dari segi pasukan bola sepak.

Saya nampak bola sepak di bawah kepimpinan yang ada sekarang ini berjalan dengan baik. Saya hendak ucapkan syabas di dalam Dewan yang mulia ini apabila perlawanan bola sepak peringkat antarabangsa iaitu belia dapat diwujudkan di Malaysia, ianya ditonton oleh ratusan juta manusia di seluruh dunia menerusi CNN dan kalau Astro itu channel 14 atau 15, saya pun tidak berapa tahu, tetapi ianya dapat ditonton dan menggambarkan bagaimana kedudukan stadium di negara kita ini mencapai ke tahap peringkat antarabangsa yang diluluskan oleh FIFA. Ini menunjukkan bahawasanya kita tidak mengatakan kalau sekiranya satu-satu pertubuhan itu dipimpin oleh orang tertentu tidak berjalan dengan baik. Soalnya ialah kepimpinan kepada seseorang itu. Kita dapati kadang kala ahli-ahli politik bertaraf menteri atau timbalan menteri menganggotai dan memimpin satu-satu persatuan bukan main

teruk, pelbagai masalah berlaku. Inilah kita harapkan dengan wujudnya rang undang-undang ini, ia dapat mengatasi masalah-masalah dalaman yang wujud di peringkat pertubuhan-pertubuhan ini.

Jadi, saya hendak mengesyorkan supaya pesuruhjayanya, menteri-menteri berwaspada dengan kepimpinan-kepimpinan yang ada, tidak mengira latar belakang, soalnya dapatkah mereka itu memimpin dengan baik satu-satu pertubuhan supaya tahap pencapaian ahli-ahli dalam pertubuhan itu bukan sahaja meningkat di peringkat negara bahkan yang lebih penting kalau kita ada Sukom 98 meningkat di peringkat Komanwel, tetapi lebih-lebih lagi di peringkat dunia.

Hari ini kita terbaca dalam surat khabar, saudara Watson Nyambek misalnya.....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit. Terima kasih, saya mohon mendapat laluan sedikit untuk bertanya pandangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tentang kepimpinan persatuan sukan yang dipimpin oleh raja-raja, oleh kerana setelah ini persatuan-persatuan ini akan tertakluk dengan akta yang sedang kita bincangkan ini. Bererti bahawa pemimpin-pemimpin sukan tersebut adalah seharusnya mengikut, patuh kepada akta yang sedang kita bincangkan. Tidakkah ini akan mengkompromi kedudukan ketua-ketua negeri seperti raja-raja dan sultan tersebut di dalam menjalankan tugas sebagai pemimpin persatuan-persatuan sukan. Kalau umpamanya raja-raja melanggar bahagian-bahagian di bawah akta ini, adakah raja-raja itu akan dibicarakan di bawah mahkamah khas, mahkamah diraja dan sebagainya. Jadi, kemungkinan akan berlaku kompromi yang menyusahkan kepimpinan negara apabila berlaku perkara-perkara yang sedemikian. Itu saya minta komen daripada sahabat saya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, yang patut menjawabnya mungkin menteri. Tetapi pandangan saya, dari segi ini kita mempersoalkan kepimpinan secara peribadi. Apabila seseorang itu memimpin satu-satu pertubuhan, ia telah pun menerima syarat-syarat yang dipamerkan dan dituntut oleh perlembagaan itu sendiri. Kalau perlembagaan satu-satu pertubuhan itu di bawah naungan akta baru ini, ia terpaksa mengikut susur galur yang dicatat di dalam akta yang baru kita hendak luluskan ini, jadi soal itu tidak timbul. Kalau sekiranya mereka segan ataupun tidak mahu mengikuti perlembagaan pertubuhan yang mereka anggotai ataupun akta yang kita hendak luluskan ini, tidak sepatutnya mereka memberikan ruang atau masa untuk hendak memimpin satu-satu pertubuhan. Jadi, itu saya rasa perkara-perkara yang boleh terselesai dengan sendirinya kerana selama ini pun apabila mereka ini menerajui satu-satu pertubuhan, mereka terpaksa mengakuri

tuntutan-tuntutan perlembagaan yang ada dan ianya terbukti sehingga hari ini berjalan dengan baik. Itu pendapat saya.

Perkara lain yang saya sebutkan tadi, kita dapati Watson Nyambek misalnya, yang sekarang ini merupakan jaguh lumba lari 100 meter. Apabila pergi ke Athens, saya tengok dalam surat khabar hari ini, tetapi telah diterima di Athens iaitu perlumbaan peringkat antarabangsa (world event), kita dapati Watson Nyambek last, tidak apa. Tetapi yang menyedihkan juga, saya perhatikan, saya dengar bisikan saudara saya tadi bahawasanya larian saringan wanita 100 meter pun masanya lebih baik daripada Watson Nyambek. Jadi, kita mengharapkan ini merupakan dorongan kepada Watson dan kepada atlet-atlet yang lain supaya dapat meningkatkan lagi kalau kita dikalahkan oleh orang lain. Saya ini bukannya - yang berkaitan dengan gender ini, tetapi kalau Watson, hero kita di Malaysia pergi ke peringkat antarabangsa - hit, saringan larian wanita pun kita kecundang kebelakang sedikit, saya rasa tidak malu tetapi kemukakan dorongan yang kuat untuk ia meningkatkan lagi usaha kita ke arah pencapaian yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkanlah dengan wujudnya Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 di bawah kementerian yang ada sekarang ini, menteri yang paling aktif ini, yang turun ke padang pergi tengok keadaan suasana, prasarana dan sebagainya, kita mengharapkan seluruh aspek sukan di negara ini berjalan sejajar dengan keperluan kita untuk mencapai Wawasan 2020, peningkatan ekonomi 8% setahun. Peningkatan ini akan diikuti oleh peningkatan bidang-bidang sukan yang kita pilih sendiri kerana kita tahu di mana lahirnya kekuatannya kita, di mana wujudnya kelemahan kita. Kita pertingkatkan lagi di mana yang kita kuat itu. Berilah banyak sedikit peruntukan supaya ianya dapat terus meningkat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini sekali lagi menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri pada hari semalam. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

3.51 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut membahas Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 yang dibentangkan semalam.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan terutamanya kepada Menteri dan juga Setiausaha Parlimen yang hadir dalam Dewan yang mulia ini. Saya memang akur dan gembira sekali dengan peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Menteri dan pindaan rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini memanglah tepat sekali dikemukakan dan kita percaya, insya-Allah, dengan lulusnya rang undang-undang ini kelak, pembangunan sukan, pertubuhan-pertubuhan yang terlibat dengan sukan akan menjadi lebih berjaya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan iaitu pembangunan sukan ini melibatkan sukan berprestij dan juga sukan untuk semua. Maksudnya, dua bidang itu. Saya ingin memasukkan satu lagi bidang yang perlu diberi perhatian iaitu bidang yang melibatkan komersial, yang melibatkan pembangunan dari segi peralatan, dari segi sains dan teknologi. Saya tidak tahulah kalau dimasukkan di dalam bahagian sukan yang berprestij.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat berbangga sekali kalau kita lihat sekarang ini kita telah berjaya menjadi Tuan Rumah bagi Commonwealth Games Ke-XVI. Kita dapati bidang sukan ini telah pun lama lagi diminati oleh seluruh rakyat di seluruh dunia, bermula daripada Olympic Games, Commonwealth Games, Asean Games dan sebagainya. Kita tahu bidang sukan ini terbahagi kepada beberapa jenis tetapi yang paling popular sekali kita lihat sekarang ini ialah bola sepak dan juga olah raga. Bola sepak ini kalau kita ikut bancian, paling diminati di seluruh dunia. Kalau kita tengok ada permainan yang ditunjukkan melalui kaca TV ataupun secara live ataupun record, kita dapati penonton-penonton paling ramai sekali. Sudah tentulah sekarang ini bidang sukan boleh memberi satu ruang pendapatan yang sangat lumayan, sama ada kepada atlet-atlet ataupun kepada penganjur-penganjur malah kepada negara-negara yang pandai dan boleh mengambil kesempatan daripada anjuran sukan-sukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya tekankan ini ialah dari segi aspek sukan yang berprestij. Kita dapati sekarang ini atlet-atlet di Malaysia sama ada dalam bidang bola sepak ataupun bidang-bidang lain, pada peringkat yang profesional ini kita dapati kita melibatkan terlalu ramai pemain daripada luar negara, terutamanya dalam bidang sukan bola sepak. Saya bimbang dengan kebenaran memasukkan pemain-pemain luar ini, kita hanya membelanjakan wang, kita memberi

peluang kepada pemain-pemain bola sepak daripada luar negara ini mengaut keuntungan yang kita dapat daripada permainan bola sepak.

Saya tidak menafikan dengan adanya pemain-pemain daripada luar ini, ia menambah meriahkan lagi permainan bola sepak negara kita dan secara tidak langsung menarik minat lebih ramai. Tetapi dalam masa yang sama, ianya memberi keuntungan kepada pihak-pihak yang suka berjudi yang akhirnya duit ini akan pergi kepada orang-orang yang ada kepentingan dan pemain-pemain tempatan akan tinggal kebelakang begitu sahaja.

Sekarang ini kita lihat pemain-pemain tempatan kalau diberi peluang dan pendedahan, mereka ini juga boleh meningkat maju. Misalnya pemain daripada semua negeri, terutama sekali di Selangor pada perlawanan akhir yang kita lihat baru-baru ini pasukan Selangor mempunyai pemain daripada luar tetapi pemain tempatan yang boleh menjaringkan gol. Ini menunjukkan kebolehan pemain tempatan juga adalah sama dengan pemain daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan semakin kurangnya pemain-pemain daripada anak tempatan, golongan luar bandar dan bumiputera yang terlibat di peringkat profesional. Kalau kita lihat secara terperinci, agihan peruntukan yang diberikan kepada jenis-jenis permainan di dalam bidang sukan ini termasuk bola jaring, bola keranjang, menembak, catur, taekwando dan sebagainya, sudah tentu kita akan melihat suatu angka yang berbeza terlalu jauh daripada sukan-sukan yang boleh melibatkan banyak peserta.

Oleh yang demikian, pihak kerajaan terutamanya Kementerian Belia dan Sukan hendaklah seboleh-bolehnya melebihi peruntukan dari segi penglibatan rakyat. Maksud saya, di dalam bidang sukan untuk semua, bukan sukan berprestij. Kita mestilah agihkan peruntukan ini untuk sukan-sukan prestij sekian banyak dan peruntukan dari segi penglibatan dan menggalakkan sukan ini di tiap-tiap daerah, tiap-tiap negeri lebih banyak lagi daripada ini sebab salah satu perkara yang penting di dalam negeri yang sedang membangun seperti Malaysia ini ialah bidang sukan. Sukan ini boleh melahirkan manusia yang cergas, boleh mengelakkan belia-belia daripada terlibat di dalam gejala sosial negatif.

Sekarang ini kita lihat terlalu ramai belia kita terlibat dengan seks bebas, terlibat dengan dadah, terlibat dengan membuang sampah di merata-rata tempat. Ini satu di antara sebab mengapa belia-belia ini terlibat dalam gejala-gejala ini ialah kerana mereka tidak mempunyai peluang untuk melibatkan diri di dalam jenis permainan sukan yang saya sebutkan tadi. Oleh sebab itu, sudah sampai masanya selain daripada kerajaan membuat projek mengadakan seribu satu gelanggang untuk

badminton dan takraw di kawasan-kawasan yang sekarang ini belum menyeluruh lagi, kerajaan hendaklah memastikan supaya semua jenis permainan yang lebih ramai peminat ini diberi peluang di kawasan-kawasan luar bandar, misalnya kawasan kolam renang. Kolam renang yang adapun di kawasan-kawasan bandar sahaja, tetapi ia tidak boleh melibatkan orang ramai secara percuma. Sesiapa yang hendak menggunakan kolam renang yang disediakan oleh Majlis Sukan Negara, mereka mesti membayar sekian-sekian jumlah wang, baru boleh ambil bahagian. Ini sudah tentu mengehadkan peluang-peluang kepada belia-belia di kawasan luar bandar.

Begitu juga padang bola, misalnya di negeri Perlis. Ada kawasan-kawasan yang belia-belia terpaksa menggunakan tanah hak milik orang untuk main bola. Apabila tanah-tanah ini hendak dibangunkan, belia-belia ini memberontak dan memprotes kerana tidak ada tempat untuk hendak main bola ini. Oleh sebab itu Kementerian Belia dan Sukan, kalau boleh, biarlah sekurang-kurangnya satu kawasan Parlimen itu mempunyai satu kawasan permainan bola sepak untuk awam. Sekarang ini kita hendak bermain kawasan permainan bola sepak di kawasan sekolah memang susah, terpaksa tertakluk kepada peraturan. Begitu juga kawasan stadium tertutup yang boleh kita gunakan untuk permainan sepak takraw, yang boleh kita gunakan untuk permainan badminton dan juga latihan-latihan sukan, silat dan sebagainya di dalam stadium tertutup itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan kepada kerajaan supaya dalam masa yang sama kita juga harus terlibat dengan industri mengeluarkan alat-alat sukan. Ini adalah satu bidang yang boleh mendatangkan keuntungan yang cukup banyak. Kita tidak mahu terlibat mengadakan kemudahan-kemudahan dan kita biarkan pihak-pihak lain mengaut keuntungan, maksud saya dari segi menyediakan alat-alat sukan yang sekarang ini kalau kita lihat di dalam channel Discovery, kita dapati pengetahuan sains dan teknologi telah pun berkembang di dalam bidang-bidang sukan. Sekiranya kasut, kasut yang dibuat sekarang ini mempunyai sains dan teknologi dari segi kemampuannya menendang bola dan sebagainya. Begitu juga reket tenis, bola, bulu tangkis dan sebagainya.

Oleh sebab itu, bidang-bidang sukan yang hendak ditingkatkan ini hendaklah juga melibatkan sains dan teknologi. Kalau sekiranya kerajaan hanya menganjurkan sukan dari segi membolehkan rakyat secara umum mengambil bahagian sahaja tetapi tidak memberi penekanan dari segi teknik, latihan, kemudahan peralatan, itulah sebabnya kita tidak boleh mencapai tahap pembangunan sukan seperti yang diperlukan pada hari ini. Saya tidak ragu-ragu dan tidak bimbang dari segi saiz, sebab satu masa dahulu orang-orang Jepun semuanya pendek-pendek dan rendah belaka. Tetapi dengan

perkembangan sains dan teknologi, sekarang ini orang-orang Jepun sudah pun mencapai suatu tahap ketinggian yang mengatasi orang-orang Eropah, dan orang-orang Malaysia ini pun kalau mengikut rekod tidaklah begitu rendah sangat, saiz tidak menjadi halangan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, kementerian juga hendaklah memberi perhatian di dalam bidang kesihatan, dalam bidang pemakanan dan begitu juga dalam bidang teknik-teknik latihan yang memerlukan jurulatih-jurulatih yang agak profesional, berpendidikan tinggi dan mempunyai kemudahan seperti yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan langkah-langkah yang dibuat ini. Saya memang bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri, iaitu pengurusan kepimpinan di dalam pertubuhan-pertubuhan yang melibatkan jenis-jenis sukan perlu diberi perhatian, terutamanya dari segi pengurusan kewangan kita dapati banyak wang yang diberi kepada badan-badan sukan ini disalahgunakan untuk kepentingan lain. Misalnya, dari segi kepentingan hendak menghantarkan pasukan, belanja iaitu terlalu banyak, sedang perbelanjaan itu boleh dikurangkan dan dibanyakkan dari segi hendak meramaikan atlet dari segi hendak meningkatkan latihan, dari segi kebajikan peserta-peserta itu sendiri, sedangkan sektor inilah yang paling kurang. Yang paling banyak wang yang diguna ialah perbelanjaan untuk hendak menghantarkan rombongan pergi. Ini membazir dan tidak sesuai dengan dasar hendak membangunkan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju akta ini tidak bolehlah melihat siapa yang memimpin. Siapa sahaja yang berminat hendak memimpin dalam pertubuhan sukan, maka sudah tentulah mereka mesti tertakluk kepada akta ini. Oleh sebab itu, tidak timbul masalah orang yang ingin terlibat di dalam kepimpinan badan-badan sukan ini sama ada mereka daripada golongan tertentu ataupun tidak, mereka juga tertakluk kepada peraturan ini. Saya ucapkan syabas kepada Menteri kerana berjaya menyelesaikan masalah kepimpinan dalam SUKOM baru-baru ini, dan saya percaya penuh, insya-Allah, di masa akan datang pembangunan sukan kita akan mencapai ke tahap yang lebih global lagi setaraf dengan pembangunan sukan di seluruh dunia. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat menurut peruntukan 6(3) saya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaruddin mempengerusikan Majlis.

[Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: [*Bangun*]

Tuan Haji Hassan bin Ali: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Dua Ahli Yang Berhormat bangun. Jadi, yang dekat sekali yang saya nampak. Yang itu nombor dua saya nampak. Jemput Yang Berhormat.

4.06 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana dapat mewujudkan rang undang-undang yang baru berkaitan dengan pembangunan sukan 1997. Ini adalah satu-satunya rang undang-undang yang digubal pada ketika negara kita memerlukan undang-undang tersebut. Dengan wujudnya undang-undang tersebut kita akan dapat memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran sukan negara sesuai dengan kita menjadi tuan rumah bagi temasya Sukan Komanwel akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali gus membuktikan kita bukan sahaja mampu memantapkan ekonomi negara dan meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan terkenal di seluruh dunia, kita yakin bidang sukan juga dapat di ketengahkan dan dimajukan setaraf dengan negara-negara maju dalam dunia, setanding dengan negara-negara barat. Kita percaya para atlet kita dan sukan kita akan dapat merangkul beberapa banyak pingat-pingat emas pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bidang sukan bukan sahaja boleh menyatupadukan pemuda ataupun remaja berbilang kaum dalam negara ini, ianya juga boleh menghindarkan gejala sosial di kalangan pemuda-pemudi dari terjebak apabila golongan tersebut terlibat dengan meminati sukan secara serius, mereka tidak akan mempunyai masa untuk bersosial secara penuh apabila terlibat dengan sukan. Bagi mereka yang ingin maju dalam bidang sukan juga berpeluang untuk menjadi jutawan yang terkenal di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 yang baru ini, akan memberikan peluang dan ruang untuk memajukan sukan di luar-luar bandar, yang mana didapati masih ketinggalan banyak. Kita yakin peruntukan yang lebih patut diberi kepada luar-luar bandar, belia di kampung-kampung yang mana dapat mencungkil bakat-bakat di luar bandar dapat kita ketengahkan dalam bidang sukan. Sukan boleh merapatkan hubungan antara semua kaum, kerana peserta-peserta sukan tidak ada ruang kosong untuk memikirkan perkara-perkara yang negatif apabila berpasukan serta mereka memikirkan cara-cara untuk memajukan sukan nanti.

Negara kita perlukan rakyat yang sihat, fikiran yang waras dan mental yang tinggi. Sudah tentu melalui sukan keadaan ini boleh dicapai. Negara Jepun misalnya terkenal dengan senaman aerobic. Di waktu pagi sebelum memulakan kerja di pejabat, melalui sukan tersebut negara Jepun jauh lebih maju dari negara-negara barat, kerana pekerja-pekerja Jepun sentiasa sihat tubuh badan untuk bekerja. Kita yakin kita boleh lebih maju daripada negara Jepun kerana kita akan memupuk dengan amalan-amalan sukan dan amalan agama sepenuhnya.

Rang undang-undang yang baru ini juga boleh menyelaraskan badan-badan sukan yang ada dalam negara kita ini. Kita akan dapat mengatasi masalah-masalah sosial atau masalah-masalah monopoli yang dipengaruhi sebahagian daripada kedudukan politik tanah air, dalam badan-badan tersebut yang boleh merosakkan perjalanan dan pengurusan aktiviti sukan. Kita tidak mahu lagi jurulatih-jurulatih sukan mengambil kesempatan melakukan kecurangan yang terdapat kepada atlet-atlet kita khususnya kaum wanita. Perkara seperti ini telah berlaku kerana tidak ada pengawalan dari badan-badan sukan yang mungkin sibuk dengan kepentingan peribadi dan juga kalangan ahli-ahli lembaga badan-badan tersebut. Kita tidak mahu 'mengharapkan pagar, pagar makan padi,' menjadi satu perbualan buruk di kalangan rakyat di Malaysia ini.

Kekuatan undang-undang ini boleh mengawal perjalanan sukan 1997 ini akan lebih kuat lagi dan mengemaskinikan Undang-undang Pembangunan Sukan 1997. Sebagai ucapan yang terakhir, saya mengucapkan tahniah kepada kejayaan Kementerian Belia dan Sukan ini kerana Malaysia dapat mendaki Gunung Everest yang tinggi di dunia ini. Saya mengucapkan syabas. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Hassan.

4.11 ptg.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Bismillahir rahmanir rahim, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, alhamdulillah bermula dari Dato' Aziz sampai ke saya, orang pendek belaka yang membahaskan Akta Rang Undang-undang Pembangunan Sukan, satu keunikan....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Apa sebabnya dikatakan orang pendek ini?

Tuan Haji Hassan bin Ali: Ertinya, walaupun pendek, jiwa besar, insya-Allah, kejayaan akan dapat dicapai.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Termasuk Menterinya sama ya.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Termasuk. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah berjaya membentangi undang-undang ini, walaupun pada mulanya apabila rang undang-undang ini hendak dibentangi di Parlimen terdapat badan-badan sukan yang menentang akta ini. Akan tetapi alhamdulillah, di atas kegigihan dan kesungguhan demi untuk melihat kemajuan sukan di negara ini, maka akta ini telah berjaya dibentangi dan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada minggu lepas, alhamdulillah.

Akta ini akan memantapkan mutu sukan apabila sukan dapat menuju arah kecemerlangan, maka sukanlah yang akan mengharumkan negara, dan juga sukanlah juga akan memperkenalkan negara kita ini. Itu pentingnya sukan, bukan sekadar untuk memperkuatkan fizikal kita, akan tetapi dapat menaikkan imej negara, memperkenalkan negara kita di seluruh dunia. Alhamdulillah, tahniah saya ucapkan.

Di samping itu, kita sedar dan hal ini pernah berlaku. Terdapat perebutan jawatan dalam badan-badan sukan menyebabkan badan-badan sukan itu mempunyai pelbagai masalah. Saya harapkan janganlah lagi individu-individu tertentu merebut jawatan untuk naikkan namanya. Akan tetapi kita memegang jawatan itu untuk menjalankan amanah, tanggungjawab untuk mempertingkatkan mutu sukan. Bukan terdapat individu itu merebut jawatan untuk menaikkan kedudukannya. Yang penting mutu sukan badan yang dipegang olehnya, itu yang penting. Sebab itulah saya harapkan janganlah diperalatkan badan sukan ini untuk kepentingan individu tertentu. Saya harapkan dengan lulusnya akta ini, menteri hendaklah pandang lebih luas iaitu diwujudkan jabatan sukan di peringkat Pusat, peringkat negeri dan peringkat daerah.

Jangan lagi disatukan dengan Jabatan Belia dan Sukan, maka hendaklah dipecahkan jabatan belia diasingkan dengan jabatan sukan. Walaupun ianya memerlukan peruntukan yang agak besar akan tetapi matlamat kejayaannya lebih penting, sebab itu saya sarankan supaya jabatan sukan diwujudkan di peringkat Persekutuan, negeri dan peringkat daerah.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ada yang hendak minta laluan, daripada Kelantan. Sila!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat apa rasionalnya hendak dipisahkan Jabatan Belia dan Sukan, cuba Ahli Yang Berhormat berikan secara terperinci kerana Jabatan Belia dan Sukan ini, dia ada kaitan, belia yang kita hendak lantik. Jadi, saya tidak berapa jelas, cuba Ahli Yang Berhormat beritahu satu persatu sehingga saya boleh yakin apa Ahli Yang Berhormat katakan itu. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ini jabatan sukan orang tua pun ada. *[Ketawa]*

Tuan Haji Hassan bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah! Tadi saya telah cakapkan, keempat-empat yang bercakp agak pendek-pendek belaka. Yang bertanya itu agak pendek juga. *[Ketawa]* Alhamdulillah! Satu keunikan telah berlaku di dalam Akta Pembangunan Sukan ini. Saya rasa eloklah Ahli Yang Berhormat fikirkan bahawa bukan kita hendak pisahkan orang muda dengan sukan tetapi kepakaran itu perlu, kita asingkan kepakaran dalam bidang kesukanan dan satu lagi dalam bidang memupuk para belia. Walaupun dekat, tetapi agak jauh, itu tanggapan sayalah.

Saya suka sentuh juga kepada atlet-atlet kita, apabila kita mencapai kejayaan dalam mana-mana bidang, janganlah kita lupa kepada jasa negara, jasa badan sukan yang telah menempatkan kita, tetapi sejak akhir-akhir ini nampaknya atlet agak ego apabila mereka ini telah mendapat kejayaan. Mereka ini telah membelakangkan badan sukan yang telah menaikkan imej dan kedudukan mereka, apabila mereka telah merasa banyak wang, terlalu

disanjung tinggi dan sebagainya, mereka telah melukai badan sukan yang telah banyak menabur jasa kepada mereka.

Inilah perlunya para atlet kita dididik, diasuh mempunyai semangat ketatanegaraan yang tinggi, cinta kepada tanah air lebih besar daripada wang, tetapi nampaknya atlet kita lebih memandang wang daripada kepentingan negara, sebab itulah saya harapkan dengan sesungguhnya akta ini hendaklah kita sama-sama fikirkan bagaimana cara untuk membentuk para atlet yang mempunyai sifat kenegaraan yang tinggi.

Di samping itu saya ingin sentuh juga tentang kumpulan sukan. Tadi sahabat saya ada menyebut satu kawasan Parlimen, satu padang bola, itu di Perlis, satu kawasan Parlimen kecil, kalau di tempat saya satu Parlimen hujung sini sampai hujung sana 24 kilometer, kalau dengan satu padang bola bagi satu kawasan Parlimen tidak begitu elok, satu kampung penduduknya 40,000, maka hendaklah kita fikirkan bahawa perlu diadakan kemudahan sukan, kita berpandu kepada jumlah kependudukan setempat, kalau ramai orang kita boleh membanyakkan tempat-tempat sukan ini, sama ada dewan, padang bola dan sebagainya. Kerana kita faham bahawa dengan adanya kegiatan sukan ini orang-orang muda kita, tidaklah kata orang membuang masa dengan secara melepak dan sebagainya.

Oleh itu, saya dengan ini menyokong sepenuhnya akta ini dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri yang telah berjaya membentangkannya. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Hassan. Saya menjemput Yang Berhormat Dato' Chet Singh sebab dia telah berdiri dari tadi lagi. Ya, sila.

4.20 ptg.

Dato' Chet Singh s/o Karam Singh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh rang undang-undang ini yang dibentang untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kelulusan rang undang-undang ini merasa ianya tepat pada masanya, dengan izin, very timely for approval. Oleh kerana taraf dan mutu sukan kita adalah rendah dan sederhana masa sekarang. Oleh itu, masa telah tiba untuk kita mewujudkan environment baru bagi menghidupkan dan menguatkan, dengan izin, energise and rejuvenate sukan di negara kita.

Kita mesti mempunyai minda dan pendekatan baru dari segi pembangunan, mempromosi dan mengurus sukan. Kita juga harus adakan mekanisme baru untuk membawa perubahan baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini berjuta-juta ringgit telah kita belanjakan untuk promosi, menganjur dan menyertai pelbagai sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Tetapi hasilnya tidak baik atau sederhana sahaja. Dengan bantuan kewangan yang diberi, taraf sukan seharusnya tinggi tetapi bagi setengah jenis sukan tarafnya menurun, setengahnya kekal begitu sahaja dan hanya segelintir menunjukkan peningkatan. Kemajuan dicapai di dalam sukan bowling dan squash sahaja.

Manakala sukan yang mempunyai penyertaan tinggi seperti bola sepak, badminton, olah raga tidak nampak apa-apa kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi di negara-negara yang sedang membangun yang lain terdapat kemajuan yang baik, walaupun kewangan adalah kurang berbanding dengan negara kita.

Oleh itu, masanya telah tiba untuk kita menilai secara kritikal bidang sukan dan mencari jalan penyelesaian. Oleh itu, pada pandangan saya melalui akta yang baru ini, kementerian dan Majlis Sukan Negara harus mengkaji secara mendalam isu-isu kritikal seperti strategi dan program untuk pembangunan teknikal sukan, cara latihan, program latihan dan dengan izin, availability jurulatih yang mahir, menyediakan kemudahan-kemudahan untuk sukan dan latihan, promosi sukan di peringkat permulaan melalui pusat asuhan, dengan izin, nurseries, kem sukan, pusat-pusat kecemerlangan dan akademi sukan dan akhirnya, linkage dengan sekolah-sekolah supaya dapat membantu menghasilkan bintang-bintang sukan di masa hadapan.

Pada masa ini kita dapati tidak ada hubungan rapat antara sekolah-sekolah dan persatuan-persatuan sukan. Ini adalah satu kelemahan yang perlu dibaiki dalam rangka pembangunan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, kita mestilah lebih cekap dan cermat dari segi cara kita menguruskan pelajar yang berpotensi. Biasanya pelajar-pelajar dibebankan kerana negerinya mahu keputusan cemerlang, ini menyebabkan pelajar-pelajar ini hilang potensi dengan cepat melalui quick gone out, dengan izin.

Apa yang perlu ialah cara yang lebih inovatif dan saintifik untuk membangun anak muda kita sebagai bintang negara. Dari segi pengurusan dan pentadbiran, kita perlu pendekatan yang profesional, pertelingkahan dan conflict kepentingan harus dikikis. Sebagai contoh, ada kalanya Majlis Sukan Negara, persatuan sukan negara atau negeri, jabatan sukan, Kementerian Pendidikan semua campur terlibat untuk promosi sesuatu sukan. Semua usaha ini akan lebih bermakna dan berkesan sekiranya usaha ini diselaras dan disatukan, ini akan membawa hasil yang baik dengan penggunaan sumber dan kepakaran yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembangunan Sukan ini sudah pasti akan mendorong dan merangsang sukan kita. Ini bermakna persatuan-persatuan sukan hendaklah merebut peluang ini untuk menyusun semula dan mengubah minda dari segi pendekatan untuk memajukan, mempromosi dan mengurus sukan di bawah jagaan mereka. Persatuan sukan mestilah memikul tanggungjawab memajukan sukan melalui program tindakan dan belanjawan yang teratur.

Jika perlu, perlembagaan persatuan-persatuan sukan haruslah menjadikan mandatori untuknya mengadakan program pembangunan yang berterusan dan ianya diawasi dan dikaji secara tahunan.

Saya telah menumpukan pandangan saya ke atas pembangunan sukan kerana kedudukan kita di dalam arena sukan antarabangsa dan serantau adalah rendah. Kita harus sedar bahawa program pembangunan sememangnya ada tetapi tidak membawa hasil yang diharapkan. Oleh itu, kita mestilah mengkaji isu kritikan ini dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya sokong rang undang-undang ini dan semoga kementerian berjaya membawa kemajuan dari segi taraf sukan dan memulakan program-program pembangunan yang berkekalan. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Chet Singh. Saya menjemput Yang Berhormat Puan Kamilia.

4.30 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sementara saya menyokong rang undang-undang sukan yang telah dibentangkan saya menanggung sceptisma (sceptism) dan juga keraguan tentang jumlah wang yang akan dibelanjakan untuk pembangunan sukan negara. Walau bagaimanapun, saya percaya dan yakin jumlah wang yang akan diperuntukkan untuk pembangunan sukan dengan adanya nanti selepas rang undang-undang ini diluluskan akan memberi makna baru kepada sukan di negara ini.

Saya percaya dan yakin di bawah kepimpinan Menteri di Kementerian Belia dan Sukan yang pastinya mempunyai idealisme sukan yang ala arah alaf 21 dan mempunyai visi yang baru untuk sukan yang pada hemat saya sukan perlu diberikan pentakrifan yang baru jika sahabat saya tadi, Yang Berhormat Chet Singh mengatakan perlunya ada innovation atau inovatif, saya percaya juga ini juga akan membawa dinamisme dalam pentakrifan sukan itu kerana sukan bukan hanya perlu dilihat sebagai sukan *per se* iaitu kita membangunkan permainan dari segi aspek sukan apa sahaja yang dibentuk dalam sukan tetapi sukan perlu juga dilihat sebagai pembangunan intelek dalam pembangunan manusia itu sendiri kerana apabila kita melihatkan pembangunan sukan dalam erti kata itu, pastinya kalau kita berbelanja besar pun jika bukan hanya setakat untuk kita mencapai kecemerlangan untuk menjadi johan kecemerlangan untuk mungkin mendaki Mount Everest tetapi saya percaya juga sukan dan ilmu sukan yang akan digunakan nanti akan dijadikan satu pembangunan intelek manusia yang akan dipupuk jika tidak dari awal dari peringkat sekolah tetapi juga di peringkat belia kerana ianya juga pastinya akan membawa kepada satu generasi belia yang lebih dinamik, lebih holistik dan tentunya sekali proaktif dan membawa pelbagai idea baru dan perubahan untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tertarik untuk membahaskan rang undang-undang ini kerana adanya peruntukan Fasal 7 dalam rang undang-undang ini iaitu adanya peruntukan mengenai pembangunan sains sukan. Ianya menyatakan bahawa menteri boleh ke arah membangunkan sukan mengambil segala tindakan yang perlu untuk menggalakkan pembangunan sains sukan di institusi pengajian tinggi di Malaysia dan bagi maksud ini boleh memberikan segala bantuan yang difikirkannya

perlu. Di sini disebut perkataan pembangunan sains sukan. Saya percaya perkataan-perkataan pembangunan sains sukan ini akan ditaksirkan seluas-luasnya agar dapat mencapai satu matlamat yang lebih besar ertinya.

Saya percaya dan saya yakin bahawa pihak kementerian akan memberi galakan yang sepenuhnya, bukan sekadar jika difikirkan perlu tetapi sekadar untuk sama-sama membantu membangunkan sukan negara. Kita perlu juga lihat bahawa jikalau tanpa penyelidikan kita tidak akan dapat progress atau tidak dapat membangun dengan lebih pantas dan lebih saintifik kerana tanpa ilmu pastinya kita tidak akan dapat bergerak dengan setepat yang kita mahu. Kita mahukan satu penyelidikan yang saintifik, penyelidikan yang mempunyai asas-asas yang boleh memberi fokus contohnya, kepada jenis-jenis sukan yang sebenarnya dapat disesuaikan dengan physiology kita sebagai orang-orang Asia kerana mungkin ada setengah daripada sukan yang dijadikan salah satu permainan dalam sukan negara mungkin tidak sesuai dengan physiology kita. Mungkin perlu ada penjurusan kepada jenis-jenis sukan supaya kita sebenarnya dapat memaksimumkan kemampuan orang-orang kita atau orang-orang Asia dan dapat kecemerlangan sepertimana yang kita ekspektasikan kerana ini ada banyak kaitannya dengan kemampuan diri kita, kemampuan fizikal dan intelek kita untuk mencapai satu-satu tahap kecemerlangan.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa dalam membuat penyelidikan tentang sukan ini kita balik kepada ajaran-ajaran dan prinsip-prinsip Islam yang juga banyak menekankan tentang kesukanan. Rasulullah sentiasa menggalakkan umatnya untuk menunggang kuda, memanah dan berenang. Ada tiga aspek yang sebenarnya merupakan satu jenis sukan, bukan sahaja sukan itu untuk erti kata sukan itu tetapi juga apa yang telah didapati daripada kajian-kajian pembangunan otak manusia, ianya juga membawa kepada pembangunan intelek manusia itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan rang undang-undang ini yang begitu komprehensif yang telah dapat melihat lebih jauh daripada pengurusan dan juga peraturan yang diperuntukkan untuk persatuan-persatuan yang dikatakan banyak menimbulkan masalah tetapi sebenarnya intisari akta sukan ini akan membawa kita ke satu bidang yang lebih luas dan akan membawa kita kepada satu era yang akan lebih memberikan kita satu semangat yang bukan sahaja dari intelek tetapi juga dari fizikalnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dengan harapan bahawa akta ini akan merupakan satu lagi pencetus membawa kepada arah pencapaian Wawasan 2020 dalam konteks masyarakat penyayang. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih. Saya ada dua orang Senator baru, saya hendak menjemput Yang Berhormat Jiuin bin Jimin. Dijemput.

4.37 ptg.

Tuan Jiuin bin Jimin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya turut membahaskan rang undang-undang ini, sebagai ahli yang baru saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada presiden parti saya - Parti Demokratik Sabah, Tan Sri Bernard Dompok juga Pengerusi Barisan Nasional Sabah Ketua Menteri Dato' Yong Teck Lee juga mengucapkan terima kasih yang amat tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk duduk di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucap tahniah dan syabas kepada Menteri Belia dan Sukan kerana penyampaian rang undang-undang ini sudah tiba masanya, timely, dengan izin. Sepertimana yang dikatakan oleh Menteri, pada mulanya tugas-tugas ataupun kerja-kerja kelab-kelab sukan ini dikendalikan oleh orang-orang sukarelawan. Jadi, memanglah kalau sudah sukarela, sudah tentu apabila mereka ada masa, ada kemampuan barulah mereka berbuat demikian. Jadi, tidaklah hairan kalau di masa-masa dahulu, prestasi sukan di negara ini tidak begitu cemerlang kerana kelab-kelab atau organisasi-organisasi ini dikendalikan oleh orang-orang sukarela. Jadi, dengan rang undang-undang ini kita dapat selaraskan dasar seluruh negara dan kepada semua organisasi yang terlibat dalam bidang sukan ini.

Satu lagi yang ingin saya sentuhkan di sini ialah saya cadangkan dengan rang undang-undang ini apabila kita melantik ataupun mencadangkan nama-nama ataupun orang-orang yang bertanggungjawab dalam bidang sukan ini kita haruslah memilih orang-orang yang betul-betul berminat dan betul-betul tahu tentang sukan itu sendiri. Ada yang dipertanggungjawabkan menjaga dan mengendalikan sukan itu tidak tahu langsung dengan sukan itu. Malahan ada yang tidak tahu langsung dengan sukan. Ini adalah satu pengalaman saya sebagai seorang yang suka dengan sukan di peringkat bawahan di jawatan-jawatankuasa apabila orang-orang yang dipertanggungjawabkan itu tidak faham, misalnya, bendahari dan orang-orang yang bawahan itu diberi tanggungjawab untuk membeli bola

keranjangkah, bola sepakkah, netkah, apabila orang itu kemukakan budgetnya kepada bendahari itu banyak soalan dia, kenapa bola mahu dua, mengapa mahu tiga, mengapa mesti begini kualitinya.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Minta duduk sekejap ya.

Tuan Jinuin bin Jimin: Ya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya hendak minta Timbalan Speaker mengambil alih. Sebentar.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Jinuin bin Jimin: Ini penting sekali kerana apabila seseorang itu tidak faham dengan sukan itu, banyak soalan. Jadi, orang yang dipertanggungjawab untuk mengendalikan itu langsung sudah tidak ada inisiatif lagi kerana banyak yang disoal seolah-olah tugas mereka itu apabila mengambil tugas itu seolah-olah mereka minta sedekah - minta budget ini, ini, ini.

Jadi, maka itulah dalam pengalaman saya orang-orang yang dipertanggungjawabkan itu mestilah orang-orang yang betul-betul minat dan tahu dengan sukan itu. Bukan orang yang dipilih kerana dia minat dan sepertimana Ahli Yang Berhormat tadi katakan peluang untuk mencari nama.

Yang ingin saya cadangkan lagi di sini ialah promosi sukan-sukan yang ada di dalam Malaysia ini haruslah diperhebatkan. Kita tahu dan kita semua sendiri melihat bahawa permainan bola sepak, minat orang ramai terhadap bola sepak begitu tinggi dan mengapa pula lain-lain kesukanan itu tidak begitu tinggi dan saya perhati bahawa permainan bola sepak ini dilihat merata-rata di seluruh negara ada sahaja dipromosi atau secara tidak langsung seluruh rakyat terlibat. Ini bererti sekiranya promosi itu diperhebatkan lagi apa juga sukan yang akan kita tampilkan diperhebat dan kita serius tidak kira apa sukan itu, kita serius dengan promosi itu, saya percaya bahawa sukan yang ditampilkan itu akan mendapat sambutan rakyat.

Jadi, oleh kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, saya dengan kata-kata tadi itu menyokong penuh rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

4.42 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Sebelum saya menyokong rang undang-undang sukan yang telah dibentangkan saya ingin terlebih dahulu merakamkan terima kasih

kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Nik Abdul Aziz sebagai Menteri Besar Kelantan kerana memilih saya bagi menyampaikan suara di Dewan yang mulia ini.

Semalam saya tidak ada di dalam Dewan ini, ada Yang Berhormat yang menyentuhkan kalau hendak membina kompleks sukan, jangan dibina di kawasan Pulau Melaka, binalah di kawasan Pasir Mas dan saya bersetuju binakan kompleks sukan di Pasir Mas tetapi sukan yang berbentuk lompat jauh dan lompat tinggi.

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang Yang Berhormat mahu minta laluan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Penjelasan, laluan sedikit.

Timbalan yang di-Pertua: Boleh beri laluan?

Puan Jamilah biti Ibrahim: Saya ingat hendak habis dahulu, kemudian....

Datuk Haji Hashim bin Safin: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak beri.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, tadi.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apabila dia ada kasi Yang Berhormat....

Puan Jamilah binti Ibrahim: Hendak beri pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Beri dia habis dahulu.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Okay, boleh.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Habiskan sementara saya ada idea, nanti hilang idea susah pula.

Islam secara global telah meletakkan awal sekali, saya menyokong pandangan sahabat saya, Yang Berhormat Puan Kamilia. *Al-uklus salim filjismis salim*, maknanya intelek minda tercetus adalah faktor penting kesihatan tubuh badan. Jadi, sukan merupakan suatu institusi baik bagi melahirkan intelek warga kita sendiri.

Apa yang saya ingin menyatakan di sini bahawa sukan secara menyeluruh tidak melibatkan banyak orang yang umur larut, kerana challenges itu tidak mampu, jadi melibatkan remaja. Jadi, ingin saya menyatakan di sini bahawa peraturan-peraturan yang.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Minta laluan sedikit. Pasal umur lanjut dan tak lanjut ini, saya tak faham.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tak apalah, sorry. Saya hendak sentuh di sini bahawa penglibatan sukan ini banyak menumpukan kepada remaja. Jadi, saya ingin memberi pandangan supaya pihak Kementerian Belia dan Sukan mengambil kira penglibatan ahli-ahli sukan itu, jangan sehingga apabila sukan habis dan pengambil bahagian sukan itu akan terjebak di dalam suasana yang kurang sihat. Yang saya maksudkan di sini, kalau tidak dijaga kawalan kebajikan kepada pengambil-pengambil bahagian sukan itu, terutamanya remaja perempuan, akan diambil kesempatan di dalam situasi yang begitu dan kalau apa saya katakan ros tidak ada wanginya lagi. Kalau orang-orang di tepi jalan dia kata, buah-buah ini telah pun ditebuk oleh tupai. Ini yang membimbangkan. Jadi, moral kepada bangsa asing dan akhlak kepada orang Islam harus dijaga baik oleh Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih.

Datuk Johan O.T. Ghani: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Cukup dah banyak itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Apa mahu minta?

Datuk Johan O.T. Ghani: Saya kurang faham iaitu buah-buah ditebuk oleh tupai-tupai ini, buah apa itu? *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Itu bahasa kiasan. Sepatutnya Malaysians tahu bahasa Malaysia dan perumpamaan bahasa Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah habis, Yang Berhormat?

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, tadi dia janji hendak beri laluan selepas habis bercakap, boleh saya bertanya, penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, kalau Yang Berhormat mahu menjawab.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua boleh bertanya kepada dia, tadi kata janji beri selepas ini.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Boleh tanyalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Okay, sila.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, tadi di permulaan percakapan Yang Berhormat kata, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Datuk Haji Nik Aziz, Menteri

Besar Kelantan yang telah melantik mewakili Dewan Undangan Negeri Kelantan. Soalnya, saya teringat dahulu satu fatwa oleh Tok Guru kononnya suara perempuan itu aurat. Apakah Yang Berhormat masuk ke sini sudah mendapat halal suara itu untuk digunakan di sini ataupun apakah penjelasan tentang suara perempuan yang dikatakan haram satu ketika dahulu, sekarang 'halallun'. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya kembalikan soalan?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Soalan itu memang saya tunggu-tunggu untuk menjelaskan jawapannya kepada sidang Dewan yang mulia ini. Kita harus faham perbezaan suara di mana haram dan di mana halalnya. Suara di dalam bentuk pengajaran dan suara dalam bentuk nasihat diberi laluan oleh Islam. Sebab itu pernah Rasulullah s.a.w. menyatakan kepada sahabat, 'ambillah ilmu daripada humairaq', daripada isterinya yang muda bernama Aishah kerana isterinya adalah intelek dalam keilmuan Islam. Jadi, Rasulullah suruh mengambil ilmu daripada Siti Aishah, kerana keilmuannya itu adalah boleh meyakinkan dan memantapkan perkembangan Islam di zaman awal itu.

Jadi, di sini diharamkan adalah suara seperti, tidak payahlah saya sebut, suara penyanyi-penyanyi, kerana alunan suara-suara penyanyi menggamitkan cita rasa Yang Berhormat [*Ketawa*], daya tarikan ada di suara merdunya, jadi itu sebabnya. Kalau suara di dalam memberi pandangan-pandangan baik untuk bangsa dan untuk negara, itu bukan aurat lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Puan Hajah Khadijah.

4.50 ptg.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong Akta Pembangunan Sukan 1997 kerana sudah kena pada masanya Akta Pembangunan Sukan ini diadakan. Tahniah diucapkan kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana amat prihatin dalam memajukan sukan ke arah yang lebih mantap dan cemerlang.

Sekali lagi syabas dan tahniah diucapkan kerana baru-baru ini Kementerian Belia dan Sukan telah berjaya mengadakan satu konvensyen yang bertemakan Wanita dan Sukan, buat pertama kalinya dalam sejarah. Diharapkan janganlah ditinggalkan resolusi konvensyen itu begitu sahaja.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya diadakan banyak lagi kegiatan sukan dan rekreasi kepada kaum wanita di semua peringkat, iaitu bermula dari tadika, sekolah rendah, menengah, pusat-

pusat pengajian tinggi dan seterusnya kepada orang-orang dewasa ataupun wanita-wanita yang sudah tua yang masih ada keupayaan supaya kesihatan wanita di dalam negara kita pada semua peringkat umur sebagaimana yang dinyatakan tadi dapat dipertingkatkan lagi.

Peruntukan yang lebih dalam bidang sukan dan rekreasi perlu disalurkan ke Jabatan-jabatan Belia dan Sukan negeri-negeri dan daerah-daerah di seluruh negara kita. Menambahkan lagi dewan-dewan, padang-padang bola ataupun mana yang kurang di semua tempat, tidak kira di mana. Dengan adanya kegiatan-kegiatan sukan dan rekreasi ini, maka sudah tentu negara dapat mengurangkan gejala-gejala sosial yang dihadapi oleh negara kita sekarang. Kemudahan-kemudahan sukan dan berekreasi patut diperbanyakkan bagi menampung keperluan rakyat bersukan dan berekreasi.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah bersukan dan berekreasi kerana mengharapkan kebendaan atau pingat-pingat sahaja. Pandanglah ke negara Jepun, walaupun rakyatnya begitu ramai tetapi kita jarang mendengar atlet-atlet dari sana yang masyhur tetapi rakyat Jepun sentiasa bersukan dan berekreasi sebagai hobi dengan tidak mengharapkan hadiah-hadiah yang lumayan. Tambahan pula kita dapati rakyatnya berada di dalam keadaan sihat dan panjang umur. Mereka boleh hidup lama, mungkin disebabkan sukan. Jika orang-orang di Malaysia dapat meneladani atau diberi kefahaman yang sewajarnya mengenai betapa perlunya bersukan dan berekreasi, amatlah membanggakan Malaysia kerana kita akan dapati rakyat kita akan diberi oleh Allah Subhanahuwa Ta'ala kesihatan yang sewajarnya dan berpatutan dengan usianya.

Kalau kita pergi jauh ke Perth, Australia, kita dapati bersukan adalah satu hobi kepada rakyatnya. Kalau kita kira di setiap kampung ada padang-padang permainan untuk rakyatnya bersukan. Kalau jam 5.00 petang kita balik dari bekerja, mereka semua ke pusat-pusat latihan di mana mereka dapati segala masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan bersukan.

Saya menyokong Akta Pembangunan Sukan 1997 ini. Sekian sahaja, wassalammu alaikum.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Sairin.

4.55 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian dalam membahas Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997. Syabas dan tahniah atas cadangan Yang Berhormat Menteri walaupun sudah agak lewat, tetapi dengan izin, better late than never.

Era 'Malaysia Boleh' telah terbukti cukup cemerlang hinggalah Gunung Everest, gunung yang tertinggi di dunia telah kita pacakkan bendera Malaysia, negara tercinta. Cuma jika ada lagi ekspedisi seumpama itu agar ramai yang sampai ke puncak, kenapa kita tidak ikut sertakan juara pertandingan mendaki Gunung Tahan atau mendaki Gunung Kinabalu yang diadakan setiap tahun, umpamanya keluarga Salagan, seperti saudara Guini Salagan, Haini Salagan yang muncul sebagai pendaki terpantas lima tahun berturut-turut secara langsung. Ianya juga akan menjadikan sebagai satu penghormatan kepada mereka yang menjadi juara Climbathon Kinabalu, gunung yang tertinggi di Malaysia.

Selama ini ramai rakyat yang tidak tahu bahawa rupa-rupanya Menteri tidak punya kuasa menyelesaikan masalah dalaman sesebuah persatuan yang akhirnya menjejaskan kemajuan sukan negara. Saya amat bersetuju Akta Pembangunan Sukan dilaksanakan demi kelancaran kecekapan dan wajar sekalilah kementerian jadi pendamai, penyelesaian serta penyelamat maruah negara di arena sukan dan janganlah bila terhantuk baru terngadah.

Sebagai contoh, Kelab Badminton Profesional Nusa Mahsuri dengan BAM di mana saya difahamkan kementerian tidak mempunyai kuasa langsung untuk menyelesaikan. Memang mana-mana perbalahan kalau tidak ada pengadilnya (referee) bagaimana ianya boleh diselesaikan.

Saya turut bersetuju supaya kuasa Menteri melalui Pesuruhjaya Sukan menggantung mana-mana persatuan yang bermasalah, yang tidak jujur dan yang tidak cekap. Untuk itu saya ingin mencadangkan supaya setiap badan sukan ada wakil Menteri duduk bersama untuk mengawal selia (check and balance) kegiatan atau blueprint rangka jangka pendek, sederhana dan panjang, sesuai dengan acuan yang ditentukan oleh kementerian berkenaan.

Sukan sebagai salah satu ciri memperkukuhkan perpaduan negara, maka kita perlulah mengenal pasti kecenderungan daripada anak-anak kita lagi, bermula daripada sekolah, sama ada condong kepada akademik atau condong kepada sukan, termasuklah sukan lasak dan kita perpanjangkan ke peringkat sekolah-sekolah tinggi. Andainya kita telah bersedia, kenapa tidak kita wujudkan universiti sukan, sama ada oleh kerajaan atau sektor-sektor swasta yang berminat dan berwibawa.

Semua kemajuan yang kita ingin capai ini mestilah mendapat sokongan dari semua agensi kerajaan, termasuklah Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan lain-lain. Juga kita perlu memperbanyakkan kemudahan bersukan di serata tempat, hatta di kawasan peranginan sekalipun.

Kalau kita tinjau di negara maju seperti Amerika Syarikat, sukan diurus secara terancang, secara profesional dan akhirnya ia merupakan industri besar ke arah menyumbang ekonomi kepada

negara dan peluang pekerjaan kepada beribu-ribu rakyat, secara langsung gejala sosial akan dapat dikurangkan.

Itulah kenapa saya ingin cadangkan supaya universiti sukan ini diwujudkan. Mudah-mudahan dengan adanya menteri kita yang saya yakin mempunyai wawasan yang jauh selari dengan Wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh Perdana Menteri kita, ianya bukanlah menjadi perkara mustahil.

Saya ingin mengucapkan tahniah atas program Gelanggang Badminton 1001 yang saya difahamkan memakan belanja tidak kurang daripada RM3 juta dan terdapat tidak kurang daripada 162 buah gelanggang di seluruh negara. Saya berharap agar gelanggang-gelanggang seumpama ini dapat diperbanyakkan khususnya di kawasan-kawasan pedalaman kerana ternyata gelanggang-gelanggang yang dibina ini memang telah menghasilkan walaupun barangkali tidak setanding dengan negara jira kita, tetapi telah menampakkan bahawa bibit-bibit ke arah kemajuan itu telah ada. Jadi, saya mohon melalui kementerian Yang Berhormat agar ianya ditambah lagi, apa salah kalau ianya diperpanjangkan ke pedalaman-pedalaman di seluruh negara.

Kemudian, saya juga ingin menyentuh Program Tunas Cemerlang yang telah pun dilaksanakan. Bila akta sukan ini dilaksanakan, khususnya rakyat di pedalaman di seluruh negara mengharapkan agar seluruh pedalaman akan turut dicungkil bakat mereka hingga ke peringkat yang tertinggi hatta di peringkat dunia sekalipun. Demikian juga jenis-jenis sukan yang lain yang saya percaya Yang Berhormat Menteri memang mempunyai rancangan yang cukup meyakinkan ke arah ini. Akhirnya, dengan harapan menggunung, secara kebetulan, negara kita yang menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel tahun depan dengan kedudukan semasa Sukan Komanwel yang lalu kita hanya mendapat nombor 13 daripada 60 lebih buah negara yang mengambil bahagian. Barangkali saya juga ingin mengetahui, Dewan yang mulia ini juga ingin mengetahui berapa jumlah negara yang telah mengesahkan untuk menyertai Sukan Komanwel yang diadakan di negara kita ini.

Dengan itu, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

5.03 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu tidak niat untuk berucap panjang lebar, kerana sahabat-sahabat saya sudah

banyak memberi penjelasan yang begitu cantik, jelas dan terang. Saya juga ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan membentangkan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 dan menyokong penuh. Hanya saya hendak tambah sedikit sahaja, iaitu tentang Sukan Komanwel. Kanak-kanak yang banyak sedang belajar kita cuba mendidik mereka untuk masuk berenang, berlari dan sebagainya, tetapi dalam persekolahan. Penuntut-penuntut lelaki dan perempuan dalam sekolah setengah-setengah dapat menghabiskan masa dalam tuisyen yang begitu penuh, tetapi bila sudah masuk menyumbangkan diri ke dalam sukan, kadang-kadang tuisyen atau pelajaran kadang-kadang terlalai. Satu kemungkinan akan terjadi, misal kata bila habis sukan nanti, kita mahu anak-anak yang berkecimpung dalam sukan ini, bila mencari kerja esok harap benar-benar dapatlah tempat yang terbaik dalam pekerjaannya. Kita tidak mahu esok kalau mereka tidak lulus sekolah, dia tidak ke mana, apa lagi hendak buat. Kalau dia pandai berlari, setakat manalah dia hendak berlari, kalau dia boleh main bola setakat manalah bola dia hendak main. Jadi, kita harap biarlah pencarian hidupnya sempurna, kerana dalam empat-lima tahun ini mereka concentrate, dengan izin, menjayakan sukan yang diajarkan oleh guru-guru sekolah dan sebagainya.

Tentang mendaki gunung, Yang Berhormat ada sebut kita patut mendaki Gunung Tahan, Gunung Kinabalu dan sebagainya. Tetapi jangan lupa yang paling dekat ialah Gunung Ledang. Gunung Ledang memang betul, kalau kita hendak rasa angin yang begitu cantik, sihat, udara nyaman, memang betul. Kalau kita pergi ke Gunung Ledang, saya berani cakap sebab saya sudah buat tahun 1989 semasa umur saya 58-59 saya mendaki gunung dengan Pegawai Kebajikan Daerah Klang yang membawa 40 juvenile, budak-budak sekolah, dan tidur di sana tiga malam. Kami naik dari Tanjong Harapan dan turun di Sage. Jadi, kalau kita mendekati diri kepada alam semula jadi memang baik. Apa salahnya kalau saya boleh mendaki gunung, takkanlah yang muda-muda tidak boleh buat, boleh. Memang banyak beza dengan pekan yang kita duduk sekarang ini, lebih-lebih lagi tempat kita duduk dikelilingi oleh udara, lebih-lebih lagi udara yang ada sekarang ini jerebu dan sebagainya. Tetapi bila kita menghampirkan diri ke alam semula jadi, lain cuacanya, lain udaranya.

Selain daripada itu, saya tidak ada apa lagi hendak tambah, hanya saya harap walaupun kita tidak dapat menggondolkan begitu banyak medal emas, ada pun jadilah sebab yang kita hendak challenge ini bukan sebarang challenge. Macam berenang, negara China sudah famous dengan orang berenang. Kita baru hendak belajar. Jadi, saya percaya kita sama-sama berdoa agar anak-anak ini sentiasa lebih maju. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

5.06 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam. Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri semasa beliau di kementerian yang dahulu Kebudayaan, Belia dan Sukan, bila keluar Kebudayaan, tinggal Belia dan Sukan sahaja. Sekarang belia dan sukan diberi penekanan kepada soal sukan di samping soal-soal belia yang begitu menampakkan sesuatu yang jauh lebih baik ataupun memberangsangkan berbanding dengan pada suatu ketika dahulu, terutamanya tentang soal kesukanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pembangunan, bila kita menyebut soal pembangunan, perkara yang pertama yang menyentuh atau yang berkaitan dengan pembangunan ialah soal kewangan. Memang saya lihat di penghujung atau pada akhir rang undang-undang ini disebut implikasi kewangan iaitu disebut rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. Ini bermakna menampakkan soal kewangan itu penting sama ada kepada usaha-usaha kerajaan untuk membangun sukan dan juga satu lagi yang ada kaitan dengan soal kewangan ialah soal nilai. Manusia hidup dengan pilihan nilai masing-masing, sama ada nilai agama, nilai ekonomi, nilai sosial, nilai politik dan sebagainya. Orang yang kuat agama barangkali dapat mengorbankan soal nilai-nilai lain, nilai ekonomi dan sebagainya demi kepentingan keagamaannya. Orang yang kuat politik ataupun nilai sosial mungkin dia mengorbankan soal ekonomi, kewangan dan lain-lain, meletakkan priority kepada soal politiknya dan sebaliknya.

Maka dalam soal ini, saya ingin dan saya yakin Yang Berhormat cukup arif, cuma sekadar mengingatkan bahawa soal penilaian ekonomi yang diberi kepada mereka yang terlibat dengan kesukanan ini adalah penting. Kalau tadi Yang Berhormat Wan Intan sebut soal hendak galakkan, kalau misal kata mereka terlibat dengan Sukan Komanwel atau mana-mana sukan, andai kata berlaku kelulusan lebih rendah, Pangkat Tiga kerana mereka terjejas dari segi pengajian, maka mereka boleh ditimbang untuk lebih baik mendapat peluang pekerjaan dan sebagainya. Ini merupakan unsur atau nilai ekonomi yang harus dimasukkan kepada mereka yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti atau program sukan dan sebagainya.

Kita melihat memang sekarang sudah dilaksanakan, misalnya kalau mereka yang mendapat kelulusan rendah sedikit, tetapi tidak dapat pergi ke Tingkatan VI dan kelulusan sukan di peringkat

tertentu, mewakili peringkat daerah, peringkat sekolah, peringkat negeri ada markah-markah tertentu. Maksud saya kalau boleh kita tingkatkan lagi nilai ekonomi ini yang boleh menjadi galakan kepada peserta dalam aktiviti-aktiviti sukan yang akan dilaksanakan.

Berkaitan dengan soal ini, Tuan Yang di-Pertua, dari segi proses pembangunan itu sendiri, saya tidak berapa pasti, memang kita ada banyak saluran dan berdasarkan akta ini setakat ini cukup kemas dari segi pendaftaran, kuasa-kuasa menteri dan sebagainya. Cuma saluran setakat ini yang saya lihat ialah melalui majlis-majlis sukan dan berdasarkan pengalaman saya sendiri di mana kita ada Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Negeri dan Majlis Sukan Daerah, di mana majlis-majlis ini setakat ini kerana saya pernah menjadi Pengerusi Majlis Sukan Daerah, beberapa ketika dahulu, lagi sekali ianya terlibat dengan soal kewangan, soal ekonomi majlis itu sendiri yang agak terhad. Sedangkan untuk kita melaksanakan program latihan, aktiviti dan sebagainya di peringkat mana-mana sekali pun memang ada, tetapi kembali kepada soal kewangan tentunya langkah kita agak terhad untuk memastikan. Lagi sekali implikasi kewangan ini, saya mencadangkan supaya kerajaan memberi keutamaan kalau kita benar-benar menginginkan pembangunan sukan itu betul-betul membangun untuk tahap yang lebih baik, ke tahap yang global dengan melibatkan kewangan melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela, melalui majlis-majlis dan sebagainya, dan tentunya kita mahu penglibatan di peringkat akar umbi di mana pencungkilan bakat-bakat ini dapat dilakukan melalui saluran-saluran yang saya katakan tadi majlis-majlis sukan di peringkat daerah ataupun di peringkat jajahan kalau di Kelantan.

Kita boleh melihat setakat ini bila menyebut soal ekonomi. Kalau di kawasan ataupun di daerah peminat ramai, bakat ada, dari segi kemampuan dan kemudahan cukup terhad. Kalaulah kita dapat memastikan kewangan yang mencukupi kepada majlis-majlis sukan, pertubuhan-pertubuhan sukan di daerah-daerah ini untuk melibatkan ramai peserta di kampung-kampung melalui murid-murid sekolah yang tentunya masih aktif dengan baya umur mereka itu, saya yakin dan percaya dapat kita mencungkil bakat-bakat yang lebih baik. Kerana masalah di kampung, saya ingat Yang Berhormat Menteri pun amat faham. Kemampuan untuk membeli misalnya kasut atau boot bola memang barangkali bukan untuk semua, sedangkan yang boleh main ramai.

Begitu juga saya lihat misalnya permainan hoki. Untuk kemampuan pemain memiliki satu kayu ataupun stick hoki ini tidak ada, sedangkan permainan ini boleh melibatkan rakyat, permainan yang agak mudah dan tidak perlu kepada saiz yang besar, saiz kecil, pendek pun boleh main, sebab

permainan hoki perlu kecekapan tangan, berlari dan sebagainya, ini barangkali boleh kita mengambil kesempatan melalui kekuatan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sekadar mengingatkan kerajaan dan menyokong supaya memastikan sumber kewangan yang cukup ataupun yang banyak untuk pembangunan sukan dan pastikan majlis-majlis sukan, pertubuhan-pertubuhan sukan mempunyai kewangan, tidak cukup dengan cara dahulu hanya sekadar sukarela. Sekarang zaman kita perhitungkan soal kewangan, sukarela masih ada, tetapi kalau kewangan tidak mencukupi, suka tetapi sedikit kurang rela.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan saya di kesempatan akta ini sekadar mengingatkan dari segi perbelanjaan, kewangan untuk memastikan pembangunan sukan ini akan benar-benar memberi erti kepada kemajuan dan pembangunan sukan negara. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

5.15 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997. Saya akan terus kepada pointnya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira kita harus ada program bagi mencungkil bakat anak-anak kita di kampung-kampung dan di desa-desa, umpamanya dalam sukan renang, saya yakin anak-anak kita yang sentiasa berenang di sungai-sungai, di ban-ban mempunyai bakat mereka tersendiri yang terpendam. Namun mereka ini perlu mendapat galakan dan bimbingan. Insya-Allah, mereka akan muncul sebagai jaguh-jaguh yang akan dapat membanggakan negara. Demikian juga dengan sukan sepak takraw dan sebagainya, cuma masalahnya ialah mereka ini tidak tahu saluran dan tidak ada pula yang hendak mengenengahkan mereka ini

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, saya kira kita juga sedar bahawa parti ataupun pertubuhan-pertubuhan di peringkat cawangan, kampung, daerah dan sebagainya boleh membantu kita di dalam hal ini. Namun kementerian, harus memberi bantuan kepada cawangan-cawangan ataupun bahagian agar kita benar-benar dapat mencungkil bakat-bakat yang ada pada anak-anak kita di desa dan di luar bandar. Di dalam kita membicarakan soal ini juga, apakah kementerian mampu mewujudkan dewan-dewan ataupun gelanggang-gelanggang sukan yang mencukupi dengan lebih banyak lagi bagi membantu menampung kekurangan dewan dan gelanggang di setengah-setengah kawasan.

Saya juga berharap agar pegawai-pegawai belia dan sukan patut turun masuk ke gelanggang, ke kampung-kampung barangkali bekerjasama dengan JKKK ataupun pertubuhan-pertubuhan dalam kampung dan desa bagi mencungkil bakat anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Dato' Menteri kita, apakah kerajaan bercadang untuk mengharamkan pertandingan atau sukan sepak takraw dan bola sepak di kalangan wanita demi menjaga dan mengekalkan identiti wanita timur.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hasan.

5.18 ptg.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sekadar beberapa perkara mahu turut terlibat dengan menyokong Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam.

Pertamanya, saya merakamkan serupalah dengan kawan-kawan yang lain, ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian yang telah melihat pergolakan dalam pembangunan sukan di negara kita sehingga satu keputusan yang berani, tepat dan berwawasan dan sebab itulah pada hari ini pada keseluruhan content rang undang-undang ini agak kemas dan mencakupi pelbagai aspek yang diperlukan dalam usaha kerajaan khususnya kementerian untuk membangunkan sukan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya dengar sepintas lalu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan sukan dan rekreasi, kemungkinan selepas ini satu kaedah baru juga harus dilihat secara serius kerana perkembangan sukan dan riadah ataupun rekreasi peranannya agak bersamaan di antara satu sama lain.

Jadi, sukan di negara kita ini boleh dikategorikan, nampaknya kita menekankan kepada dua keadaan iaitu sukan pertandingan yang berorientasikan pertandingan dan satu lagi ialah sukan yang berorientasikan kepada kerjasama ataupun sukan main-main, sukan sukarela. Tetapi kedua-dua ini sama ada ianya berasaskan kepada sukan berorientasikan kepada kesukarelaan ataupun kepada pertandingan tetapi matlamat kementerian nampaknya tidak lari daripada untuk mewujudkan satu bentuk perpaduan

nasional secara keseluruhan. Kerana kita tahu sukan sahaja nampaknya dalam beberapa sektor dalam pembangunan negara kita ini mendapat kefahaman ataupun mendapat penyatuan usaha-usaha kerajaan untuk menyatupadukan rakyat.

Kalau kita lihat apabila pelbagai kaum dalam negara kita dapat menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa, sudah pasti seluruh rakyat kita merasa bangga. Sebagai contohnya, sayalah. Saya terpaksa ucap tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri apabila ada direct telecast, dengan izin, kerana saya ini walaupun muda, tetapi sukan yang betul-betul sukan memang kurang sedikit. Tetapi apabila melihat jaguh kita berkomunikasi dengan rakyat melalui media apatah lagi campur tangan ataupun penglibatan secara langsung oleh pimpinan negara, kita merasa begitu bangga dan rasanya kita merasa terlibat sama dalam memberi ucapan ataupun rasa keterlibatan kita supaya usaha-usaha begini dapat dilakukan dari masa ke semasa.

Mungkin ada beberapa perkara di dalam rang undang-undang ini kalau boleh diberi pandangan, saya mohon izin supaya untuk memperkukuhkan lagi kedudukan rang undang-undang ini iaitu dalam seksyen definisi berkenaan dengan badan sukan. Saya tidak tahu sama ada cadangan ini bertepatan dengan hasrat kementerian kerana dalam erti badan sukan ini ialah persatuan, kelab, pertubuhan, tetapi dimasukkan juga dengan syarikat.

Sebagaimana kita tahu bahawa syarikat dengan persatuan mempunyai entiti yang berlainan dan kita berharap kementerian juga dapat menyelaras di

peringkat akar umbi supaya masalah pergolakan masa kini yang berorientasikan persatuan setengahnya kita namakan kelab, setengahnya bernama pertubuhan dan setengahnya bernama kesatuan.

Saya mencadangkan supaya definisi seperti ini harus diselaraskan oleh kementerian supaya pengertian persatuan, kelab dan pertubuhan itu dapat dilihat dalam satu kekuatan baru dalam kita membangunkan sukan untuk masa-masa depan.

Kemudian masalah syarikat pula tidak harus dikategorikan dalam badan sukan kerana syarikat patut ditakrifkan sebagai satu bentuk yang lain kerana persatuan, kelab dan pertubuhan telah kita lihat melalui proses kerja-kerja sukarela tetapi dengan akta baru ini berkemungkinan kita dapat selaraskan di bawah pengawasan yang rapi oleh Yang Berhormat Menteri. Tetapi syarikat khususnya di bawah Akta Syarikat 1965 pun termaktub di sini kebanyakan syarikat sama ada syarikat itu syarikat promoter sukan, syarikat pembekal bahan-bahan dan peralatan sukan ataupun syarikat pengiklanan yang berkaitan dengan sukan ataupun sebagainya, ianya harus dilihat sebagai satu badan yang lain.

Jadi, badan sukan patut dikategorikan kepada dua dalam definisi rang undang-undang ini supaya penyelarasan masa depan kerana pendekatan yang harus dibuat oleh pimpinan persatuan dan kelab ini akan berbeza dengan pendekatan yang akan dibuat oleh pimpinan ataupun pengusaha-pengusaha daripada syarikat yang kita namakan ini.

Jadi, syarikat ini mengikut fahaman kita memanglah akan berdaftar dengan Kementerian Kewangan kalau ia sebuah syarikat pembekal, kalau ia sebuah syarikat yang membuat bangunan umpamanya, yang mempunyai orientasinya kepada masalah pengiklanan ataupun usaha-usaha untuk memajukan yang berkaitan dengan bidang sukan pun ia akan berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, tetapi akhirnya mengikut falsafah ataupun mengikut semangat rang undang-undang ini akhirnya ia akan dilihat dalam satu bentuk yang secara khusus oleh kementerian ini iaitu daripada pendaftaran akta 1965 berdaftar sebagai syarikat kemudian berdaftar sebagai pengusaha di Kementerian Kewangan ataupun di Kementerian Pembangunan Usahawan akhirnya juga ia berdaftar sebagaimana termaktub dalam saya baca sepintas lalu semalam, Tuan Yang di-Pertua, berdaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan.

Jadi, kalau ianya bertepatan dengan semangat baru melalui rang undang-undang ini adalah baik badan sukan itu dikategorikan kepada dua, satunya berorientasikan kepada masalah pendekatan dalam persatuan, kelab ataupun pertubuhan dan satu kaedah lain yang satu lagi ialah pendekatan dalam membangunkan syarikat yang berorientasikan perniagaan tetapi untuk membangunkan sukan sebagaimana yang dihasratkan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, daripada senarai 39 dalam Jadual I Seksyen 2 ini, pada keseluruhannya memang mencakupi semua bidang sukan yang telah terdapat di dalam negara kita, tetapi saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini kerana kebetulan daerah saya ada satu persatuan yang sudah

populer hampir setahun dan dua bulan yang lalu kita mengadakan satu acara antarabangsa dan jenis sukan ini telah begitu popular di Thailand, di Laos dan juga di Singapura dan mereka ini telah dijemput oleh Kerajaan Negeri Terengganu melalui persatuan di namakan Persatuan Penton Malaysia.

Jadi, kalau boleh dilihat oleh Yang Berhormat Menteri satu kajian, tambahlah satu, dua lagi permainan yang kita agak telah diminati oleh masyarakat muda mudi kita. Di Terengganu, Persatuan Penton Terengganu kemudian di peringkat daerah dia ada persatuan-persatuannya yang juga disokong kuat oleh pemimpin-pemimpin politik tempatan dan kerajaan negeri.

Jadi, baru-baru ini lima, enam negara telah dapat melaksanakan pertandingan di peringkat antarabangsa di Dungun, Terengganu. Kalau Yang Berhormat Menteri sekarang ini kurang sedikit pergi ke Terengganu, cuma sampai Kuala Terengganu sahaja, kita jemputlah pergi sedikit ke pedalaman melihat anak-anak muda kita yang sudah berminat dengan sukan-sukan yang telah dipopularkan di negara lain tetapi kita sama-sama popularkan di tempat kita.

Jadi, kemudian permainan sukan yang berorientasikan tradisional yang saya pun susah hendak sebut, kalau boleh dimasukkan lagi beberapa jenis sukan, saya tidak tahu sama ada ini sukan ataupun tidak, tetapi setakat yang saya faham ia sukan seperti permainan gasing umpamanya, kalau di zaman dahulu dengan belitan kepalanya, dengan cara pakaian tradisionalnya sama ada ini di bawah kebudayaan ataupun sukan, saya pun kurang faham dan kurang perhatian tetapi kalau boleh dibuat pertimbangan supaya perkara-perkara yang

berkaitan dengan tradisional Melayu khususnya dan tradisional Malaysia amnya dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh kementerian untuk ditambah di dalam Jadual I kalau ianya tidak keberatan oleh kementerian selepas kita luluskan rang undang-undang ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah berkenaan dengan rekreasi. Jadi, apabila kita memperkukuhkan rang undang-undang ini, semalam Yang Berhormat Menteri ada menyebut berkenaan dengan sukan dan rekreasi dan kalau boleh kita perkukuhkan seluruh strata program kementerian ini, insya-Allah, untuk diperkukuhkan di peringkat akar umbi kerana kita rasa penglibatan di dalam sukan ini perlu ditekankan ke akar umbi untuk menggalakkan penyertaan ramai bagi mewujudkan masyarakat yang sudah pasti ianya akan membantu beberapa sektor lain apabila seluruh strata masyarakat yang dewasa, yang tua, yang pertengahan, yang muda dan yang kecil akan terlibat secara langsung dalam program-program sukan dan rekreasi ini ianya akan membantu membangunkan mutu kesihatan rakyat dan masyarakat dan berkemungkinan Kementerian Kesihatan pun akan mengurangkan masalahnya di satu masa kelak.

Jadi, saya rasa itu sahaja, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin.

5.30 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana telah berjaya membuat pindaan kepada akta-akta mengenai kesukanan negara dan saya juga merasa bangga kerana kementerian amat prihatin terhadap suasana, keadaan persatuan-persatuan sukan di seluruh negara yang kadangkala ada juga menampakkan suatu persengketaan yang tidak berkesudahan. Saya mengharapkan mudah-mudahan dengan adanya pindaan akta ini kita akan dapat menyatupadukan persatuan-persatuan sukan di seluruh negara melalui pengawalan secara langsung daripada pihak menteri.

Mudah-mudahan dengan wujudnya perpaduan di kalangan persatuan-persatuan sukan ini, kita akan dapat melahirkan para atlet negara yang cemerlang yang mana negara kita memang sudah terkenal sebagai sebuah negara yang bukan sahaja terkenal dengan kecemerlangan sukan tetapi negara kita juga terkenal dengan kecemerlangan dalam bidang-bidang yang lain dan negara kita telah dihormati di peringkat antarabangsa, walaupun ada di antara mereka yang menjadi penduduk di negara ini yang tidak dapat menerima hakikat bahawa kejayaan negara Malaysia kita ini di dalam bidang kesukanan, di dalam bidang pembangunan sama ada ekonomi dan sosial yang sekarang ini sudah terkenal di peringkat antarabangsa dan sebagai sebuah negara terutama di negara-negara Islam sebagai sebuah negara yang termaktub seperti yang dikehendaki oleh Allah, dengan izin, "*Baldatun Toi Yibatun Warab Bun Ghafur*". Di samping itu juga, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian sejauh manakah kuasa campur tangan menteri secara langsung dalam pertubuhan-pertubuhan sukan di negara ini dan apakah pihak Kementerian akan dapat menubuhkan satu mekanisme yang khusus untuk menyelaraskan persatuan-persatuan sukan di seluruh negara kita ini sebab saya juga ingin menarik perhatian kepada Menteri Belia dan Sukan mengenai sukan yang terbabit di sebuah negeri yang dinamakan seolah-olahnya sebuah negeri yang mencanangkan mereka telah pun melaksanakan undang-undang Islam dan hukum Allah.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri apakah negeri Kelantan telah pun memberi satu pandangan dan pengesyoran kepada Kementerian Belia dan Sukan mengenai pemain-pemain wanita di negeri tersebut dapat menutup aurat seperti yang dikehendaki oleh Al-Quran dan Al-Hadis. Dan juga saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Belia dan Sukan apakah Kerajaan Negeri Kelantan juga telah dapat memberi panduan ataupun telah pun memberi suatu pandangan dan pengesyoran kepada Kementerian Belia dan Sukan mengenai sukan-sukan yang bercorak keislaman seperti yang dikehendaki oleh Al-Quran dan Hadis.

Itulah beberapa perkara yang saya ingin mendapat penjelasan secara terperinci daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan - apa yang termaktub di dalam bil mengenai Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 ini.

Dengan ini saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya minta Yang Berhormat Tan Sri Menteri menjawab.

5.34 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pertamanya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kesemua Ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun dan turut mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 ini.

Perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan kesemuanya baik-baik belaka. Cadangan-cadangan yang amat bernas dan ada juga syor-syor baru yang telah pun dikemukakan yang kesemuanya ada saya sendiri catatkan dan akan kita berikan perhatian yang sewajarnya untuk memajukan sukan di negara kita.

Bagi menentukan supaya akta ini akan ditadbirkan dengan sempurna, maka Kementerian Belia dan Sukan telah pun mencadangkan supaya satu bahagian akan ditubuhkan dengan pegawai-pegawai yang sesuai jumlahnya dilantik. Rundingan akan dijalankan dengan agensi pusat supaya bahagian ini dapat diwujudkan dengan segera dan membolehkan perlantikan Pesuruhjaya Sukan serta pembantu-pembantunya bagi memulakan tugas mentadbir dan juga menguatkuasakan akta ini. Kementerian akan menentukan supaya kakitangan untuk menguruskan hal-hal pendaftaran disediakan terlebih dahulu sebelum proses mengambil alih tugas daripada Pendaftar Pertubuhan dibuat untuk menyempurnakan proses yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali apabila beliau menyatakan yang pembangunan sukan perlu diberikan pengiktirafan sebagai agenda nasional dalam pembangunan sosial warga Malaysia. Ini sebenarnya adalah aspirasi kerajaan kita semasa kita menggubalkan Dasar Sukan Negara pada tahun 1988 lagi, di mana sukan diiktiraf sebagai satu entiti yang penting - sama pentingnya dengan pendidikan dan juga kesihatan. Sukan terbukti dapat menyatupadukan rakyat kerana semangat kesukanan terbukti dalam melepasi sekatan ideologi bahasa dan juga bangsa ataupun kaum.

Di peringkat antarabangsa, sukan kita tahu adalah satu wahana untuk kita mempamerkan semangat 'Malaysia Boleh' kepada dunia dan pada masa yang sama menanamkan semangat daya juang, semangat patriotisme di kalangan masyarakat kita. Perkara ini sebagaimana yang kita tahu telah pun jelas dapat kita lihat dalam kecemerlangan kita, umpamanya waktu mana kita dapat membawa balik Piala Thomas dalam sukan badminton - tidak kira apa kaum dan keturunan, semuanya merayakan kemenangan kita dan yang terbaru ialah apabila anak-anak muda Malaysia berjaya menawan puncak Gunung Everest. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ramai Ahli Yang Berhormat yang telah

pun menyambut mereka ini dalam siri lawatan ke negeri-negeri dan paling terakhir sekali ialah di kawasan Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali. Walaupun beliau tidak ada di Dewan - di Pasir Mas, saya dimaklumkan lebih 35,000 orang, dia kira satu-satu, yang hadir untuk memberikan semangat kepada anak-anak muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan berhenti dengan hanya sekali ke Gunung Everest. Kita akan mengaturkan beberapa jadual untuk menghantar pasukan-pasukan pendaki kita untuk mendaki Gunung Everest kali kedua, ketiga dan seterusnya pada tahun-tahun akan datang. Sekarang ini kementerian sedang merancang untuk mengaturkan satu Program Ekspedisi ke Antartika. Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator hendak menjadi peserta, saya pelawa untuk mendaftar dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen saya. Sebenarnya kita serius, kita akan mengaturkan Program Ekspidisi Antartika. Banyak pihak yang berminat termasuk Persatuan 'Back Backers' dan mereka telah pun memulakan kerja-kerja awal. Satu jawatankuasa di peringkat kementerian akan ditubuhkan, kita ingin mendapat sokongan daripada sektor swasta kerana kos untuk pembiayaannya juga tinggi tetapi kita yakin dengan semangat 'Malaysia Boleh' yang ditunjukkan oleh anak-anak muda Malaysia, insya-Allah hasrat kita untuk meneruskan ekspedisi ke Antartika ini berjaya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman supaya pengalaman pendaki Gunung Everest kita ini dikhazanahkan dalam bentuk pita video untuk diedarkan kepada orang ramai khususnya generasi muda dalam usaha untuk mengetengahkan 'role model' yang boleh diteladani oleh anak-anak muda kita yang lain.

Seperti juga Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz dan Senator Datuk Ibrahim Ali, saya juga berharap pihak media dapat memberikan sokongan yang lebih untuk menyiarkan berita-berita dalam media elektronik dan juga media cetak tentang kejayaan yang ditempa oleh ahli sukan tempatan kita yang sudah pun mencapai tahap antarabangsa. Sememangnya role model dan wira sukan ini dapat memainkan peranan yang berkesan untuk mengajak anak-anak muda kita berkecimpung di dalam arena sukan dengan lebih serius lagi, apatah lagi jika mempunyai maklumat tentang potensi pendapatan yang boleh diraih kalau mereka mencapai tahap antarabangsa profesional seperti yang ditunjukkan oleh pemain golf, Tiger Wood.

Saya juga tertarik hati dengan saranan Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali yang meminta pucuk pimpinan negara turun padang untuk menghidupkan budaya sukan di kalangan ramai rakyat. Bila kita sebut soal pimpinan termasuklah kita semuanya, Tuan Yang di-Pertua, termasuk Ahli-ahli

Yang Berhormat sekalian bersama-sama dengan saya dan juga lain-lain rakan di kementerian untuk memberikan semangat baru dalam usaha untuk mereformasikan dan juga membina satu budaya sukan yang kukuh di kalangan masyarakat kita. Sudah tentu ini akan memberikan nafas baru kepada sukan tanah air. Penghayatan setiap lapisan masyarakat termasuk pemimpin dan juga ibu bapa pasti akan mendorong pertumbuhan lebih ramai lagi atlet dan juga menyumbang kepada kecemerlangan sukan negara kita.

Selain daripada itu saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dengan adanya akta ini bukan bermakna dalam sekelip mata sahaja masalah yang dihadapi sekarang khususnya yang melanda setengah-setengah persatuan sukan dapat diselesaikan dan juga mutu sukan negara esok pagi akan melonjak dengan begitu mendadak. Proses untuk memantapkan pengurusan persatuan-persatuan sukan kebangsaan akan mengambil masa dan demikian juga halnya dengan program untuk memajukan sukan negara. Secara logiknya pengurusan yang lebih baik di kalangan persatuan sukan sudah tentu akan menghasilkan program-program pembangunan atlet yang lebih terancang dan dalam jangka panjang dapat menghasilkan apa yang kita semua hajati.

Kita telah pun berjaya mendapat hak untuk menjadi tuan rumah bagi Sukan Komanwel yang ke-XVI meski pun kita mengetahui bahawa prestasi atlet negara kita masih belum lagi setara dengan negara-negara yang maju dalam bidang sukan termasuklah negara Komanwel seperti Australia, Kanada, England dan sebagainya. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali, kejayaan kita mendapatkan hak menjadi tuan rumah kepada sukan yang kedua terbesar selepas Sukan Olympic patut disanjung tinggi ke arah memperkenalkan negara kita dalam semua bidang termasuklah juga dalam bidang sukan ini.

Sukan Kuala Lumpur '98 juga ataupun Sukan Komanwel kita ini sepatutnya dilihat sebagai titik tolak untuk merangka program pembangunan sukan negara dalam tempoh jangka panjang kerana kita maklum tempoh yang ada untuk menyediakan atlet di peringkat Sukan Komanwel adalah begitu terhad. Ini begitu ketara bagi kebanyakan sukan yang perlu dibangunkan semula dan bagi sukan seperti lawn ball ianya baru diperkenalkan di kalangan masyarakat di negara kita. Dalam pada itu pemilihan beberapa sukan seperti ragbi dan kriket dibuat di atas sebab popularnya sukan berkenaan di kalangan negara-negara Komanwel. Sukan ini, Tuan Yang di-Pertua, di sukan-sukan Komanwel sebelum ini tidak diadakan dan inilah buat pertama kalinya diadakan dan kitalah tuan rumah yang pertama menganjurkan ragbi dan kriket kerana sukan ini popular.

Jadi, tentu dengan cara begini akan menarik minat lebih ramai masyarakat antarabangsa dan juga tempatan menyaksikan Sukan Komanwel - ada nilai komersialnya dan kita harapkan ini dapat menarik minat tajaan daripada kalangan syarikat-syarikat besar untuk menampung kos bagi membiayai Sukan Komanwel ini.

Namun begitu, saya juga ingin maklumkan bahawa program latihan atlet ke KL 98 menunjukkan peningkatan prestasi atlet-atlet negara dan peluang untuk memenangi pingat boleh kita dapati, insya-Allah, daripada sukan badminton, sukan angkat berat, menembak, bowling, hoki lelaki dan kemungkinan juga bagi acara jimrama. Prestasi terbaik atlet negara kita ialah pada tahun 1994 di mana 7 pingat telah pun dimenangi, iaitu 2 pingat emas, 3 perak dan 2 gangsa.

Saya bersetuju dengan saranan Ahli Yang Berhormat bahawa tumpuan termasuk bantuan kewangan yang lebih diberikan kepada acara-acara ini untuk membolehkan atlet-atlet di sukan-sukan yang berkenaan ini dapat kita sediakan dengan sebaik mungkin. Matlamat kita khususnya di peringkat kementerian ialah untuk melihat prestasi ataupun ranking kita meningkat daripada 13 di sukan ini di Victoria yang lepas, kepada mungkin antara 1 hingga ke-10 ataupun the top ten, dengan izin, dalam Sukan Kuala Lumpur 98 tahun hadapan.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga telah pun mencadangkan supaya kita memberikan tumpuan kepada sukan-sukan yang sesuai dengan fizikal rakyat negara kita. Sebenarnya perkara ini telah pun termaktub dalam Dasar Sukan Negara dan Majlis Sukan Negara telah pun melancarkan program pembangunan sukan pilihan untuk tempoh 10 tahun yang akan datang. Sebanyak 14 jenis sukan telah pun dikenal pasti untuk dimajukan dan kebanyakan daripada sukan-sukan yang dipilih ini, sama ada mempunyai tradisi yang kuat di negara ini ataupun kerana kesesuaiannya dengan fizikal rakyat negara kita tanpa berhadapan dengan masalah saiz badan, sukan-sukan ini ialah angkat berat, badminton, bowling, gimnastik, golf, kapal layar optimis, lumba basikal, memanah, menembak, olah raga, renang dan terjun, sepak takraw, skuash dan hoki.

Sukan olah raga dan renang dipilih memandangkan ianya menyediakan jumlah pingat yang banyak di pertandingan-pertandingan sukan antarabangsa. Meskipun saiz badan mempunyai peranan, tetapi di peringkat Sukan Sea dan juga Sukan Asia, keupayaan atlet negara dibandingkan dengan atlet-atlet negara lain tidaklah ketinggalan begitu jauh.

Mengenai kepimpinan persatuan sukan di negara ini, pucuk pemimpin ditentukan melalui sistem demokrasi di mana pemimpin-pemimpinnya dipilih melalui proses pemilihan yang berpandukan

kepada perlembagaan persatuan masing-masing. Selagi ahli-ahli bersetuju terhadap pemilihan mana-mana pemimpin, maka hak mereka untuk memimpin tidaklah boleh dipersoalkan. Ini termasuklah pemimpin-pemimpin politik, sama ada Menteri Besar atau Kerabat DiRaja sekalipun dan juga orang-orang politik yang lain. Namun demikian, melalui akta ini, mereka kesemuanya tertakluk kepada kuasa-kuasa Menteri ataupun Pesuruhjaya Sukan yang akan mentadbirkan pendaftaran serta kelicinan persatuan-persatuan sukan yang berkenaan.

Yang Berhormat juga telah pun menyentuh mengenai kemudahan sukan, terutamanya di kawasan luar bandar. Untuk makluman Dewan ini, kementerian saya sudah pun mengumpul, malahan sudah pun siap mengumpul data mengenai kemudahan sukan di semua peringkat yang terdapat di seluruh negara, di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri, kesemuanya sudah kita kumpulkan. Tujuannya ialah untuk membuat perancangan jangka panjang bagi keperluan kemudahan sukan secara keseluruhan, sama ada untuk sukan prestasi tinggi ataupun program sukan untuk semua.

Seorang pakar daripada Jerman Barat telah pun dikenal pasti dan telah pun bersetuju untuk membantu kita sebagai pakar runding dalam penyediaan pelan induk kemudahan sukan bagi negara kita. Selain daripada jumlah dan jenis kemudahan sukan yang akan ditentukan, pelan induk ini juga akan menentukan spesifikasi yang sesuai mengikut keperluan bagi setiap tempat dan kawasan.

Selain daripada itu, akta ini juga memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan dan juga menetapkan piawaian, spesifikasi dan kehendak teknikal kemudahan sukan di Malaysia ini. Kita harap pelan ini nanti akan siap, insya-Allah, pada tahun hadapan. Ia merangka persiapan untuk membina segala kemudahan ini di seluruh negara dalam tempoh sehingga tahun 2020, iaitu satu pelan pembangunan jangka panjang yang melibatkan sumbangan sektor Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan juga pihak swasta.

Saya suka memaklumkan bahawa dalam membina gelanggang badminton di bawah program Gelanggang Badminton Rakyat Seribu Satu, kementerian saya melalui Majlis Sukan Negara telah pun memperuntukkan sebanyak RM3.24 juta, yakni sumbangan sebahagian yang telah pun kita keluarkan kepada Yayasan Badminton Malaysia bagi membina sebanyak 162 gelanggang badminton dengan sejumlah bagi satu gelanggang sebanyak RM20,000.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah pun meminta supaya lebih peruntukan dikeluarkan untuk program sukan untuk semua, iaitu sebagai satu usaha untuk menggalakkan penglibatan satu jumlah rakyat yang lebih ramai dalam bidang kegiatan

sukan ini. Memanglah saya sokong dan saya harap dengan sokongan Yang Berhormat itu pihak agensi kerajaan yang bertanggungjawab seperti Kementerian Kewangan akan memberikan peruntukan yang lebih kepada Kementerian Belia dan Sukan, jadi dia tidak pandang kementerian kita ini kecil tetapi perlu untuk membolehkan kita menggerakkan program yang lebih banyak.

Mulai pada tahun ini kita akan mengadakan satu Karnival Sukan Untuk Semua yang akan menelan belanja lebih RM1 juta untuk menggalakkan penglibatan semua peringkat rakyat dalam acara-acara sukan popular dan juga sukan baru. Ini kita akan langsungkan pada bulan Oktober yang akan datang ini. Mulai pada tahun ini juga, di peringkat kegiatan sukan untuk semua telah pun kita gerakkan satu program sampai ke peringkat akar umbi, iaitu program Liga Sukan Untuk Semua, iaitu pertandingan dalam tiga acara sukan yang kita anggap popular dan kita harap ia melibatkan semua peringkat umur, sama ada dia anak remaja ataupun veteran. Kita harap dengan program begini, lebih banyak pihak akan menyertai kegiatan sukan di peringkat akar umbi. Kita telah pun menyediakan peruntukan sebanyak RM2.3 juta yang kita agihkan di peringkat daerah-daerah menerusi majlis sukan daerah-daerah dan kita jangkakan lebih kurang 82,000 orang akan menyertai secara langsung sebagai peserta dalam program sukan untuk semua ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga tadi telah menyentuh supaya Menteri atau Pesuruhjaya Sukan tidak mengira bulu dalam hendak melaksanakan Akta Pembangunan Sukan. Terima kasih saya ucapkan. Memang kita akan mengambil tindakan secara yang adil tanpa mengira latar belakang sesiapa. Kalau mereka menjadi pemimpin, kita harap mereka bertanggungjawab melaksanakan tugas. Tetapi kalau ada kelemahan-kelemahan yang didapati dalam persatuan-persatuan yang dipimpin oleh sesiapa pun, maka tentulah kuasa yang telah pun diperuntukkan oleh Parlimen menerusi akta ini akan kita gunakan secara bijaksana untuk menyelesaikan, malahan dalam usaha yang sama juga membantu meningkatkan mutu sukan di negara kita.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail juga telah pun menyebutkan tentang terlalu ramai pemain-pemain profesional bola sepak di negara ini dan katanya tidak mungkin memberikan peluang kepada pemain-pemain tempatan. Saya yakin Yang Berhormat pun sedar bahawa FAM ataupun Persatuan Bola Sepak Malaysia telah pun membenarkan pemain-pemain import ini bermain dalam Liga Malaysia. Ini adalah sebagai satu langkah sementara sahaja dan jumlahnya tidaklah terlalu ramai, sementara kita melihat kemampuan pasukan-pasukan tempatan itu meningkat ke

taraf yang lebih profesional. Jadi, ini tidaklah bermakna bahawa pemain-pemain tempatan kita diketepikan. Memang benar bahawa terdapat banyak pemain tempatan yang tahapnya ataupun tarafnya hampir sama, malahan lebih baik daripada pemain-pemain import dan yang terbaru dalam piala FA kita lihat juara yang memberi tendangan hebat ialah daripada anak-anak tempatan sendiri. Jadi, saya anggap ini adalah satu daripada fenomena sementara. Kita harap dengan cara begini lebih banyak anak tempatan akan dapat diketengahkan dalam bidang bola sepak atau bidang-bidang yang lain juga.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail juga telah pun meminta supaya kemudahan-kemudahan sukan ini dibuat di merata-rata tempat. Ini telah pun saya sebutkan tadi. Memang kita harap dengan pelan pembangunan infrastruktur sukan yang akan kita sediakan menggunakan formula-formula yang tertentu, berapakah jumlah penduduk bagi tiap-tiap daerah dan kawasan-kawasan mukim. Kita akan pastikan apakah kemudahan sukan yang perlu kita bangunkan dan kita harap ianya akan dapat kita laksanakan secara berperingkat-peringkat.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Ali telah pun mencadangkan supaya sebuah jabatan yang baru, Jabatan Sukan di peringkat negeri dan daerah ini ditubuhkan. Saya ingin menyebutkan di sini bahawa memang dalam suatu usaha penyusunan semula Kementerian Belia dan Sukan ialah untuk mengasingkan Bahagian Belia dan Sukan itu di peringkat Persekutuan ataupun Ibu Pejabat, di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah. Memang saya kira sudah sampai waktunya bahawa peranan dan fungsi itu diasingkan supaya membolehkan tahap profesionalisme di peringkat jabatan dan pegawai itu ditingkatkan dan tumpuan yang lebih dapat diberikan dalam soal pembangunan sukan dan juga belia dari segi jangka panjangnya. Maka ini telah pun kita laksanakan, iaitu kajian semula ataupun penyusunan semula ini telah pun selesai dilaksanakan dan kita akan membuat perakuan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Pihak MAMPU pada dasarnya juga sudah bersetuju dengan cadangan kita ini. Dengan ini kita berharap mungkin dalam satu tempoh yang tidak terlalu panjang, maka akan wujudlah jabatan-jabatan sukan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah secara berasingan daripada Jabatan Belia yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Chet Singh telah meminta supaya kita mengkaji strategi pembangunan sukan dan mengadakan hubungkait (linkage) dengan sekolah-sekolah. Saya kira ini adalah satu cadangan yang memang ada di dalam perhatian kita kerana pendekatan berkenaan dengan sukan ini tidak dapat kita asingkan dengan pembangunan dalam sekolah, kerana banyak daripada jaguh yang hendak kita ketengahkan itu adalah lahirnya daripada mereka di peringkat umur yang masih muda lagi. Soal ini sebenarnya adalah satu dasar yang harus diberikan perhatian oleh pihak persatuan-persatuan sukan sendiri yang tidak hanya memberikan tumpuan kepada usaha untuk membangunkan sukan

berprestasi tinggi, tetapi melihat dari segi jangka panjang di mana soal aspek pembangunan sukan ataupun sports development, dengan izin, diberikan perhatian yang sama berat.

Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Chet Singh juga, memang di peringkat ini pihak persatuan-persatuan tidak memberikan perhatian yang sewajarnya, lebih menumpukan kepada soal membangunkan atlet yang berprestij, tetapi pembangunan yang merata di seluruh peringkat negeri dan daerah, tidak diberikan perhatian. Dalam rancangan kita dari segi memberikan sumbangan kepada persatuan-persatuan sukan di peringkat ibu pejabat, kita akan pastikan bahawa sebahagian besar daripada peruntukan yang kita bahagikan itu hendaklah juga digunakan dalam usaha untuk membangunkan atlet-atlet remaja, seperti mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan program Tunas Cemerlang ataupun Bakat dan juga program-program pelapis di kalangan anak-anak muda kita.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Ali telah pun meminta supaya pemimpin persatuan sukan jangan menggunakan kedudukan untuk kepentingan diri sendiri. Saya amat bersetuju 110%, bukan 100% sahaja. Kerana memang kita dapati berlaku dalam sejarah sukan kadang-kadang persatuan sukan digunakan sebagai 'batu loncatan' untuk mempopularkan diri bagi kepentingan politik, peribadi pemimpin-pemimpin tertentu, dan ini dilakukan at the expands dengan mengetepikan peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin persatuan itu sendiri, dan inilah juga antara kamelut sukan yang sedang melanda setengah-setengah persatuan sukan di negara kita.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim telah pun menyentuh tentang soal pembangunan sains sukan supaya diberikan satu peruntukan yang lebih sesuai. Memang saya bersetuju bahawa soal sains sukan ini adalah satu perkara yang baru, dan kita memang sekarang ini memberikan perhatian yang lebih serius dan khususnya di institusi pengajian tinggi kita anggap inilah satu perkara yang paling sesuai kerana kepakaran dan juga tenaga yang terlatih sudah pun terdapat di institusi-institusi berkenaan. Pendidikan sukan yang juga merupakan satu bidang yang akan diberikan tumpuan dan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi akan diperolehi seperti yang telah pun kita mulakan dengan pihak Universiti Malaya.

Yang Berhormat Puan Hajah Khadijah Awang telah pun menyentuh apa yang telah pun dibincangkan dalam Konvensyen Wanita dan Sukan, dan diharap resolusi yang telah pun dicapai tidak akan dibiarkan begitu sahaja. Saya memberikan jaminan bahawa kita akan meneliti secara terperinci segala keputusan yang telah pun dicapai di dalam konvensyen itu dan saya hendak sebutkan di sini bahawa tindakan awal ialah kementerian menubuhkan satu unit sukan untuk wanita di bawah cawangan penggalakan sukan. Itu langkah pertama. Kita harap hasil daripada program yang telah pun diputuskan dalam konvensyen itu akan diteliti satu persatu dan insya-Allah akan cuba kita laksanakan.

Ada cadangan supaya kita tambah lagi kegiatan-kegiatan sukan dan rekreasi untuk wanita, saya pun berpendapat amat sesuai kerana penglibatan wanita dalam sukan masih juga terbatas. Saya tidak tahu mungkin ada masalah-masalah dari segi budaya, dari segi agama, sensitiviti tertentu yang menyebabkan wanita tidak berminat ataupun tidak mahu terlibat secara aktif dalam bidang sukan. Saya kira ini telah pun dibincangkan secara mendalam dalam Konvensyen Sukan yang lepas di mana saya kira beberapa syor telah pun dikemukakan. Namun begitu, saya hendak menyebutkan dalam beberapa program yang lain, dalam bidang kecergasan, sebagai contoh dalam bidang senam robic, maka kita dapati bahawa sudah pun terdapat lebih kurang 4000 penggerak kecergasan telah pun dapat kita wujudkan dan separuh daripadanya terdiri daripada kaum wanita. Ini menunjukkan bahawa sudah ada minat di kalangan wanita untuk lebih terlibat dalam program-program sukan ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno telah pun mencadangkan supaya sebuah universiti sukan ditubuhkan. Ini satu cadangan yang amat baik. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa pembinaan sekolah sukan telah pun dimulakan di peringkat ini di Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan kami dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan akan membina sebuah lagi di Johor dan juga satu lagi dalam perancangan di Sarawak. Saya pun tidak pasti kenapa Sabah tidak diambil kira. Meskipun universiti sukan belum ditubuhkan, tetapi beberapa universiti tempatan telah pun menyediakan kursus-kursus yang berkaitan dengan sukan. Usaha-usaha ini adalah untuk memberikan peluang kepada atlet-atlet muda yang bersekolah untuk dapat menumpukan masa yang lebih dengan kegiatan sukan, di samping tidak meninggalkan akademik. Satu program di antara Universiti Putra Malaysia....

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Tuan Sairin minta laluan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan Sarawak disebut, jadi saya mohon akan datang Sabah juga dimasukkan. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya sudah sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, maknanya saya pun bersimpatilah. Insya-Allah, kita akan membangkitkan dengan pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan, kerana ini di bawah bidang Kementerian Pendidikan.

Saya ingin menyebutkan bahawa satu program di antara Universiti Putra Malaysia dengan Majlis Sukan Negara telah pun dilaksanakan di mana murid-murid sekolah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dengan kelulusan minimum diberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus di universiti

berkenaan dalam jangka masa yang munasabah untuk membolehkan mereka terus aktif dalam sukan masing-masing. Penglibatan institusi pengajian tinggi dalam menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan sukan khususnya sains sukan secara langsung mengatasi masalah kekurangan mereka yang mahir dalam bidang ini.

Yang Berhormat juga telah pun menyentuh tentang wakil menteri dalam persatuan sukan. Saya ingin hendak menyebutkan memang kita berpendapat ini satu cadangan yang baik. Malahan sudah pun kita ambil kira kemungkinan-kemungkinannya di mana yang boleh kalau ada anggota yang boleh kita letakkan di badan-badan sukan, maka pegawai-pegawai yang terlatih akan menjadi badan perantaraan ataupun penghubung untuk membolehkan hubungan kerja yang lebih rapat di antara persatuan dan juga pihak Majlis Sukan Negara ataupun kementerian diwujudkan. Insyallah, perkara ini kita akan ambil kira.

Yang Berhormat Hajah Jamilah binti Ibrahim telah pun membangkitkan soal-soal menjaga kebajikan atlet-atlet wanita. Memang kita sentiasa memberikan perhatian, kerana wanita adalah satu manusia istimewa, kebajikan wanita sentiasa diambil kira. Kalau mereka pergi ke luar negara ataupun dalam pertandingan-pertandingan biasanya ada chaperon yang disediakan untuk mengiringi mereka. Malahan kalau ada ibu ataupun bapa mereka yang sanggup menjadi chaperon, itu juga digalakkan untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Ada kes yang disebutkan tadi, mungkin itu satu daripada kes sahaja yang timbul. Malahan saya kira banyak kes lain yang melibatkan atlet bukan wanita atau wanita bukan atlet yang lebih ramai daripada yang melibatkan atlet wanita dalam soal-soal seperti itu.

Yang Berhormat Hajah Khadijah binti Awang juga telah pun menyebutkan beberapa perkara. Saya tidak perlu hendak ulaskan satu persatu, tetapi hampir sama berkenaan dengan wakil menteri dalam persatuan sukan tentang soal universiti sukan dan juga tunas cemerlang yang dicadangkan supaya diwujudkan. Ada pertanyaan yang ditimbulkan tentang berapa buahkah negara yang sudah pun menjawab berkenaan dengan penyertaan dalam Sukan Komanwel. Setakat ini kita belum dapat pasti lagi jumlahnya, tetapi kita jangkakan dalam satu persidangan Komenwel, mesyuarat-mesyuarat Commonwealth Game Federation (CGF) yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan September yang akan datang, kita akan dapat jawapan daripada semua persatuan Sukan Komanwel negara-negara yang terlibat tentang kehadiran mereka. Tetapi saya yakin bahawa dengan usaha yang sudah pun kita

laksanakan, sebahagian besar, malahan keseluruhan negara-negara Komanwel akan mengambil bahagian dalam sukan di Kuala Lumpur nanti, insya-Allah.

Soal bimbangannya kita tentang penglibatan murid-murid sekolah di dalam program Sukan Komanwel kalau ianya akan menjejaskan soal pelajaran mereka. Sebenarnya bagi atlet-atlet yang terlibat dengan Sukan Komanwel dan mereka masih lagi bersekolah, maka kita akan memberikan mereka peluang untuk mendapatkan tuisyen tambahan untuk menampung waktu-waktu mana mereka menggunakan waktu untuk berlatih. Kita harap dengan cara begini tidak akan menjejaskan prestasi para atlet yang terdiri daripada murid-murid sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada dibangkitkan tadi Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hasan tentang takrif badan sukan dan mencadangkan dua struktur, iaitu badan sukan dan pertubuhan masyarakat. Saya hendak sebutkan di sini berkenaan dengan soal syarikat kita masukkan, ialah kita dapati di akhir-akhir ini terdapat mereka yang menubuhkan syarikat untuk mengelolakan sukan, baik golf ataupun tenis, kadang-kadang berbangkit masalah dengan persatuan-persatuan sukan menjadi badan induk. Tetapi kita tidak boleh halang mereka hendak menganjurkan pertandingan-pertandingan. Tujuan kita memasukkan peruntukan ini dalam akta ialah untuk mengenakan lesen. Kalau mereka menubuhkan syarikat tetapi hendak main bola, kita boleh benarkan. Tetapi sebelum mereka dibenarkan, mereka haruslah memohon untuk mendapat kebenaran dari pihak kita, dan dalam proses itu kita boleh menyemak dengan pihak badan-badan sukan yang berkenaan sama ada mereka ada halangan ataupun tidak ataupun ianya dikelolakan semata-mata untuk mendapat keuntungan sahaja dan mengetepikan kepentingan persatuan-persatuan yang berkenaan.

Saya kira dalam soal tafsiran ini kita tidak menjadi masalah. Yang kita tekankan di sini ialah soal badan induk yang menjadi badan perwakilan ataupun dengan izin, governing body. Jadi, kalau pihak syarikat itu adalah persatuan-persatuan yang disebut adalah governing body ataupun kelab-kelab yang mewakili beberapa buah kelab-kelab yang lain, maka ianya akan tertakluk kepada peruntukan di bawah akta ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin telah pun membangkitkan supaya kita memberikan bantuan yang lebih kepada persatuan-persatuan sukan ataupun majlis-majlis sukan di peringkat daerah-daerah, memang itu menjadi hasrat kita. Kita telah mulakan pada tahun ini sebanyak RM12,000 kita berikan kepada tiap-tiap daerah untuk gunakan sebagai wang pentadbiran. Kita harap akan kita tambah lagi kalau tiap-tiap majlis sukan daerah itu dapat bergerak dengan lebih cergas dengan peruntukan-

peruntukan untuk mengelolakan lebih banyak lagi aktiviti sukan di peringkat daerah-daerah. Selain daripada itu juga, tiap-tiap daerah kita berikan peruntukan antara RM30,000 sehingga RM40,000 khusus untuk menjalankan program-program Rakan Sukan di tiap-tiap daerah yang saya kira juga dikelolakan oleh majlis-majlis sukan daerah bersama dengan badan-badan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa jawapan dan juga penjelasan yang dapat saya sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan Akta Pembangunan Sukan 1997 ini. Saya tidak dapat hendak mengulas satu persatunya, banyak idea-idea yang bernas, insya-Allah kesemuanya kita akan ambil kira, dan kita harap dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat dan lulusnya akta ini nanti kita akan dapat melihat masa depan sukan negara yang lebih cemerlang lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM246,195,800 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1997 adalah berjumlah RM246,195,800. Jumlah ini diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut seperti berikut:-

Tambahan sebanyak RM167.1 juta di bawah Maksud B.47 - Kementerian Pengangkutan untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM150.8 juta untuk membantu Perbadanan Aset Keretapi (Railway Asset Corporation) menjelaskan pinjaman Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan kepada Keretapi Tanah Melayu (KTM) sebelum KTM diperbadankan pada 1 Ogos 1992;
- (ii) sebanyak RM16.3 juta untuk menjelaskan bayaran tunggakan kos penyelenggaraan 55 lintasan rata awam kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi tempoh hingga 31 Disember 1995.

Tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk memberi pinjaman kepada Multimedia Development Corporation (MDC) bagi memulakan projek Multimedia Super Corridor (MSC).

Tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Maksud B.32 - Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi pemberian endowment fund kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk Tabung Pinjaman Kenderaan dan Komputer dan untuk tujuan pelaburan.

Tambahan sebanyak RM10.6 juta di bawah maksud B.22 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai bayaran akhir penjanaan Pasukan Lumba Kereta Formula One.

Tambahan sebanyak RM5 juta di bawah Maksud B.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membiayai program-program yang melibatkan peningkatan keupayaan dan penyertaan wanita dalam pembangunan.

Tambahan sebanyak RM3.5 juta di bawah Maksud B.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melaksanakan kerja-kerja kecantikan bandar bagi enam buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sempena Sukan Komanwel 1998.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1997 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1997 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5A Tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk perbahasan. Sila.

6.19 ptg.

Datuk Johan O.T. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, pertama-tama saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kerana meletakkan saya di Dewan yang mulia ini selama dua penggal.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datuk Johan O.T. Ghani: Selama dua penggal iaitu enam tahun. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri Sabah kerana keyakinan meletakkan saya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak lagi menjadi Ahli Dewan Negara, pengalaman selama enam tahun di Dewan ini, saya akan tetap pergunakan untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara. *[Tepuk]*

Dalam membincangkan tentang Perbekalan Tambahan (1997) 1997 ini, saya amat tertarik dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM246,195,800 yang mana sebanyak RM167,102,000 ataupun lebih kurang 68% yang diperuntukkan kepada Kementerian Pengangkutan. Peratus jumlah angka perbelanjaan yang agak tinggi ini jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan sistem pengangkutan di Malaysia agar sejajar dengan keperluan fizikal negara pada masa ini dan seterusnya dalam menghadapi era industrialisasi menjelang abad ke-21.

Seperti yang sedia dimaklumi, sebuah negara yang maju perlu mempunyai sistem rangkaian hubungan yang bersesuaian, selesa dan menepati keperluan semasa, canggih dan efisien agar mobiliti manusia dan barangan dapat dipertingkatkan ke tahap yang setanding dengan negara-negara yang membangun dan sedang membangun umpamanya Jepun dan lain-lain negara yang mampu mengekalkan keberkesanan sistem rangkaian hubungannya.

Usaha ini difikirkan wajar kerana faktor mobiliti amat penting dan kritikal serta boleh mempengaruhi dan menentukan persekitaran sosial ekonomi bagi sesuatu kawasan atau negeri. Ini seterusnya mempunyai impak yang besar dan berpanjangan terhadap tahap pembangunan sebuah kawasan itu.

Selain itu, jika dilihat dari perspektif global dalam era menghadapi dunia tanpa sempadan ini, peranan menyatakan antara lain bahawa hanya kawasan yang mempunyai sistem bandar dan rangkaian jaringan atau linkage yang efisien sahaja yang boleh menarik modal dan pelaburan ke kawasan tersebut.

Justeru hakikat itu dan hakikat dari penyertaan di atas perlu diambil iktibar yang sewajarnya agar negara mampu menyediakan sistem rangkaian pengangkutan dan hubungan yang berkesan lebih-lebih lagi dalam menghadapi abad mendatang yang sudah tentulah lebih besar yang mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada globalisasi dunia tanpa sempadan ini perlu diberi ruangan dan penghayatan yang sewajarnya bukan sahaja untuk persediaan abad mendatang tetapi juga pada dekad ini. Umpamanya kesan

regionalism seperti apa yang berlaku kepada krisis mata wang yang berlaku di beberapa negara di Asean baru-baru ini yang mana ada cubaan oleh anasir-anasir jahat untuk menjatuhkan nilai mata wang negara kita dan cuba dinafikan dengan menggunakan alasan fakta kuasa-kuasa pasaran dan globalisasi sebagai penyebab kepada peristiwa ini.

Lantas ekoran dari peristiwa ini, kita perlu lebih berhati-hati dan benar-benar memahami implikasi serta sentiasa bersiap sedia menghadapi kemungkinan lain yang dibawa oleh kesan globalisasi ini serta mengambil iktibar daripada kejadian ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah keperluan untuk mempunyai satu sistem rangkaian hubungan darat, laut dan udara yang efisien adalah perlu dan penting terutamanya dalam usaha Sabah untuk mengimbangkan tahap pembangunannya agar sejajar dengan arus pembangunan perdana dan seterusnya dalam persediaan untuk menghadapi era dunia tanpa sempadan yang kini mengambil tempat ini.

Oleh itu, sistem pengangkutan darat terutamanya jalan raya adalah penting dalam mempertingkatkan lagi kepesatan semua sektor ekonomi terutamanya dalam membawa nadi-nadi penggerak pembangunan ke kawasan-kawasan luar bandar yang jauh, terpencil dan mundur, yang sebahagian besarnya tercicir oleh ciri-ciri topografi yang berbanjaran dan berbukit yang dihuni oleh sebahagian besar daripada penduduk luar bandar yang daif dan memerlukan perhatian pelbagai pihak.

Keprihatinan untuk mendapatkan kemudahan sistem jalan raya yang sistematis dan efisien ini semakin penting jika kita lihat senario dan status jalan raya yang terdapat di Sabah. Menurut perangkaan Rancangan Malaysia Ketujuh, jarak jalan raya berturap di Sabah pada tahun 1995 adalah 0.5 kilometer per setiap sepuluh kilometer berbanding dengan kadar nasional yakni sebanyak 1.5 kilometer per setiap sepuluh kilometer.

Sebahagian besar ataupun 60% daripada taraf jalan raya di Sabah ini merupakan jenis kelikir diikuti oleh jalan turap 30.2% dan tanah liat 8.4%. Oleh itu, keperluan untuk menaikkan taraf jalan-jalan raya utama di Sabah dan seterusnya mempercepatkan projek-projek pembinaan jalan raya yang telah dirancang untuk dilaksanakan terutamanya Lebuhraya Pan Borneo yang akan menjadi tunjang utama perhubungan jalan darat antara Sabah dengan Sarawak perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar hubungan dalam konteks wilayah dapat dipertingkatkan lagi.

Selain daripada sistem jalan raya yang baik, sistem perhubungan udara juga amat penting terutamanya dalam menghubungi Sabah kepada luar negara dalam konteks global khususnya dari segi perkembangan sektor pelancongan dan perdagangan antarabangsa.

Seperti yang dimaklumi, Sabah telah dipromosi sebagai destinasi pelancongan utama khususnya dalam bidang pelancongan ala ekologi dan beberapa kawasan di pantai timur Sabah telah dipromosi sebagai pintu masuk pelancong dari rantau BIMP-EAGA, Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina, Kawasan Pertumbuhan Asia Timur.

Setakat ini Sabah mempunyai sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa di Kota Kinabalu dan tiga bulan lapangan terbang domestik lain yang masing-masingnya terletak di Sandakan, Tawau dan Lahad Datu. Oleh itu, keperluan segera untuk mempunyai kemudahan lapangan terbang sistematik, canggih dan mencukupi untuk menampung keperluan semasa dan mendatang khususnya dalam mengambil manfaat dari perkembangan yang sedang rancak mengambil tempat di BIMP-EAGA adalah penting dan perlu diberi perhatian.

Sehubungan dengan itu juga, Kerajaan Negeri Sabah pada masa ini sedang proses menyediakan satu rangka kerja strategik maritime Sabah (TRTSTS) yang berwawasan untuk mempromosi dan membangun Sabah sebagai pusat perkhidmatan maritime bertaraf world class yang menyediakan rangkaian hubungan ekonomi utama antara BIMP-EAGA dengan lain-lain rantau yang dinamik di seluruh dunia.

Strategi utama rangka kerja ini mencakupi bidang yang lebih luas termasuklah dalam mempromosi dan membangunkan bidang infrastruktur dan perkhidmatan sokongan, perdagangan, perkapalan dan jaringan/rangkaian hubungan ekonomi, pengurusan hasil maritime yang mampan, pemuliharaan laut, penggunaan teknologi maklumat, pembangunan sumber tenaga manusia, keselamatan serta penyelidikan dan pembangunan.

Selain itu, usaha ini juga akan meliputi bidang pelancongan terutamanya dalam pembinaan taman-taman/marine park, dengan izin, serta akademi marin.

Rangka kerja ini merupakan satu lagi usaha kerajaan untuk memberi nafas baru serta pemangkin dalam pertumbuhan ekonomi Sabah.

Dari segi infrastruktur marin pula setakat ini, kemudahan penubuhan dan jeti yang sedia ada adalah memadai untuk keperluan ekonomi masa kini. Namun kemudahan sedia ada ini, dijangka tidak akan mencukupi untuk keperluan menjelang abad ke-21 dan aktiviti ekonomi yang dijangka

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, panjang lagi agaknya?

Datuk Johan O.T. Ghani: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jam sudah pun 6.30 petang, dijemput duduk sekejap!

Datuk Johan O. T. Ghani: Sambung besok.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung besok pula.

Datuk Johan O. T. Ghani: Ya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'

Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3),
Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji

Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Dasar Kebersihan

6.30 ptg.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ucapan penangguhan saya berjudul Dasar Kebersihan. Sebenarnya dasar ini bukanlah merupakan satu perkara yang baru dan mungkin menjadi terpenting dengan teguran yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mengenai perangai orang di negara ini yang tidak memperdulikan tentang kebersihan dan mencampakkan sampah di merata tempat.

Sebenarnya mengikut Ahli Sejarah Arnold Toynbee dan juga Ibnu Khaldoun dalam bukunya *Mukadimah*, mereka telah memperkatakan bagaimana runtuhnya satu ketamadunan kerana sikap penduduk dalam satu-satu zaman itu yang tidak mempedulikan alam sekitar termasuklah juga menjaga kebersihan dan menjaga alam persekitaran tempat mereka tinggal. Arnold Toynbee telah mengatakan bahawa salah satu sebab kejatuhan Empayar Roman juga adalah kerana orang-orang Roman telah mengabaikan tentang kebersihan dan juga alam persekitaran.

Jadi, perlulah kita mengambil ingatan bahawa selain daripada ianya membawa kepada penyakit, membawa kepada kemudaratan dan membawa kepada satu keadaan yang tidak menyenangkan mata walaupun kita berbelanja beribu-ribu ringgit untuk mengindahkan kawasan persekitaran jikalau kita tidak menanam satu tabiat kebersihan, maka pastinyalah ianya akan membawa pelbagai padah yang tidak diingini.

Kita lihat sahaja di kawasan-kawasan bandar. Mungkin juga kita tidak boleh terlupa kawasan-kawasan di luar bandar yang mungkin tidak begitu ketara kerana kawasannya luas, tetapi di kawasan-kawasan bandar kita agak merasa tidak senang bila kita berjalan, kita dapati sampah-sarap merata-rata. Sistem pengutipan sampah, contohnya, saya beri satu contoh yang sangat spesifik, di Jalan 2/64A off Jalan Ipoh di mana pengutipan sampahnya tidak dijalankan dengan baik. Kita dapati sampah-sarap diletak dekat dengan restoran di mana pengusaha restoran menyiapkan atau menyediakan makanan, contohnya menyang ikan di tepi tempat sampah dan membersihkan ikan itu di atas jalan yang digunakan oleh orang ramai.

Begitu juga kita lihat banyaknya tempat jualan makanan di bandar Kuala Lumpur sendiri - tidak perlu kita pergi jauh sebab semua Ahli Yang Berhormat juga selalu berjalan di Kuala Lumpur, banyak stall yang didapati adalah stall yang diletak di tepi-tepi longkang. Kadangkala, kita dapati banyak di kawasan itu tidak merupakan kawasan yang bersih dan kadang-kadang kita agak hairan bagaimana kita boleh duduk di situ dan menikmati makanan. Tentu sekali makanannya selalunya sedap.

Tuan Yang di-Pertua, daripada tempat makanan itu juga kita dapati sistem perparitan juga banyak diabaikan walaupun berkali-kali kita dapati di dalam akhbar ataupun juga sungutan-sungutan dalam penulisan-penulisan dan dari pengalaman kita sendiri banyaknya parit yang tersumbat - tersumbat oleh kerana kecuaiannya kita juga mencampak barang-barang ke dalam parit terutamanya plastik-plastik. Sama ada kita gagal dalam penguatkuasaan ataupun mungkin kegagalan kita sendiri dalam menepati apa itu makna kebersihan.

Kita dapati juga bahawa dalam pembinaan yang begitu pesat di negara ini banyaknya berlaku banjir kilat yang menyebabkan banyak kemusnahan kepada rumah yang selalunya tidak mengalami banjir kilat tetapi kerana adanya pembinaan-pembinaan yang wujud - LRT dan sebagainya dan juga pembinaan-pembinaan bangunan di mana pihak pemaaju tidak langsung mengambil kira tentang implikasi pembinaan kepada perparitan yang mana bila berlaku hujan, maka akan berlakulah banjir kilat dan seterusnya menambahkan lagi 'traffic jammed' yang selalunya akan berlaku di Kuala Lumpur.

Seterusnya kita dapati juga bahawa pihak berkuasa perbandaran, saya percaya mempunyai sistem yang baik untuk menjaga kebersihan bandar tetapi acap kalinya, sama ada kerana kurang 'enforcement' atau mungkin kurang kakitangan atau mungkin pelbagai kekurangan, tidak dapat melaksanakan tugas dengan begitu baik. Mungkin juga kerana 'response' daripada orang ramai.

Walau bagaimanapun, pada hemat saya sistem yang wujud dari segi pembuangan sampah mungkin tidak begitu efisien dan mungkin kita perlu memikirkan cara-cara baru dan mungkin juga cara-cara kita membentuk restoran-restoran - cara yang lebih tertutup ataupun restoran yang mungkin juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad juga telah mengatakan dia mempunyai idea-idea baru yang boleh kita gunakan, maka ini saya percaya bukanlah merupakan hanya tanggungjawab Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad tetapi sebenarnya adalah tanggungjawab kita semua untuk sama-sama berfikir dan bertindak untuk menjaga kebersihan terutamanya dengan hampirnya kepada Sukan Komanwel yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kebersihan negara adalah sangat penting kerana ianya membawa kepada kesihatan badan dan kesihatan mental dan kita juga perlu ingat bahawa dalam semua ajaran agama dan agama Islam juga menggalakkan kita semua untuk menjaga kebersihan dan ianya merupakan hampir kepada kekukuhan keimanan seseorang itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa pihak kerajaan akan sama-sama membantu dan sama-sama menggubal dasar dan juga mekanisme dan sistem yang akan dapat membantu kita untuk melaksanakan Dasar Kebersihan ini. Terima kasih.

6.37 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah begitu prihatin membawa perkara itu dalam Dewan yang mulia ini. Sememangnya saya sebagai Timbalan Menteri yang baru dilantik dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam peringkat permulaan ini berusaha untuk melihat semula semua aspek yang berkait dengan kebersihan di semua bandar, bukan sahaja dalam bandar, bahkan dalam persekitaran di negara kita. Untuk menjawab satu persatu apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya rasa kita akan teliti secara detail. Namun secara umum, saya memberi jawapan daripada kementerian.

Sepertimana yang termaktub dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 Akta 171, pihak berkuasa tempatan adalah bertanggungjawab mengurus sampah- sarap serta menjaga kebersihan dalam kawasan pentadbiran mereka. Bagaimana pun bagi tempoh jangka panjang, kerajaan telah memutuskan supaya perkhidmatan pengurusan sisa pepejal diswastakan dalam usaha untuk meningkatkan tahap kebersihan bandar-bandar di negara ini. Dalam hal ini empat buah syarikat telah dilantik oleh kerajaan untuk mengambil alih tanggungjawab tersebut daripada pihak berkuasa tempatan di seluruh negara yang dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 1998.

Sementara itu, dalam usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran orang ramai mengenai kebersihan, aspek pendidikan awam adalah penting dan perlu dimulakan dari peringkat sekolah lagi. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memperingatkan pihak berkuasa tempatan supaya mempelbagaikan lagi program-program seperti kempen-kempen pendidikan dan kesedaran awam di kawasan mereka. Dalam pada itu perlu ditingkatkan penguatkuasaan yang lebih tegas bagi melarang orang ramai membuang sampah merata-rata.

Kementerian bertanggungjawab hanya untuk menggubalkan dasar tetapi pihak-pihak yang berkuasa yang mempunyai kuasa untuk penguatkuasaan adalah terletaknya di tangan pihak berkuasa tempatan dan pihak kerajaan negeri. Maka, saya menyarankan di sini agar semua Ahli Yang Berhormat juga berinteraksi dengan pihak-pihak berkuasa dalam negeri supaya mereka menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab penguatkuasaan dengan lebih berkesan.

Penyelenggaraan kebersihan dalam bandar sememangnya merupakan aktiviti yang penting bagi pihak berkuasa tempatan. Kemudahan awam yang selalunya diberi perhatian khas adalah tandas awam, stesen pengangkutan awam dan pasar. Kebersihan kawasan-kawasan rekreasi iaitu taman-taman awam, pantai, taman kanak-kanak serta pusat-pusat pelancongan sentiasa diawasi. Baru-baru ini beberapa keputusan telah pun dibuat ke arah mempertingkatkan kebersihan premis-premis makanan yang memerlukan pemindahan dan penempatan semula penjaja makanan dari tepi-tepi jalan ke pusat-pusat penjaja yang disediakan dengan kemudahan yang lengkap supaya perniagaan dapat dijalankan dalam keadaan bersih dan selesa demi kepentingan peniaga dan pelanggan.

Yang Berhormat sebutkan tadi kita patut mengadakan satu sistem restoran ataupun gerai-gerai yang lebih baik, yang lebih 'hygenic'. Sememangnya kementerian telah pun membuat satu gerai yang 'prototype' yang dimulakan di Kuantan sebagai permulaan untuk mengkaji apakah perkara-perkara yang tidak baik, apakah yang baik supaya dapat diperbaiki sebelum ianya dibuat di seluruh negara. Gerai-gerai ini berhawa dingin bertujuan untuk kegunaan masyarakat pertengahan dan bawahan dan kedudukannya juga di tempat-tempat yang sesuai dan diuruskan secara bersih.

Bagi tahun 1997, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperuntukkan RM5.75 juta untuk membiayai 248 buah projek di peringkat pihak berkuasa tempatan di seluruh negara di bawah Program Bersih dan Indah. Kerja-kerja persediaan kebersihan bagi Sukan Komanwel diselaraskan oleh Jawatankuasa Kecantikan Bandar dan Venue Sukan Komanwel 1998 yang dipengerusikan bersama oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Peruntukan sebanyak RM38 juta telah disediakan bagi tahun 1997 dan 1998 bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kecantikan dan pengindahan bagi Dewan Bandaraya dan enam buah pihak berkuasa tempatan yang lain yang terlibat iaitu Petaling Jaya, Shah Alam, Kajang, Subang Jaya, Sepang dan Langkawi. Peruntukan ini meliputi juga kerja-kerja landskap termasuk membaiki dan menaiktarafkan siar kaki (walk ways) di kawasan-kawasan berkenaan.

Selain daripada usaha yang disebutkan, kerjasama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan peringkat negeri yang berkaitan seperti Kementerian Kerja Raya dan pihak berkuasa tempatan telah juga dipohon untuk melaksanakan usaha-usaha seperti mengecat semula bangunan-bangunan kerajaan yang terlibat dan mencantikkan premis bangunan-bangunan tersebut.

Pihak berkuasa tempatan telah juga diminta mendapatkan kerjasama pihak swasta supaya melaksanakan aktiviti-aktiviti membaiki dan mengecat premis-premis mereka. Pihak swasta juga

digalakkan untuk membiayai projek-projek kecantikan bandar seperti projek landskap atau projek pemasangan lampu hiasan.

Tuan Yang di-Pertua, kekotoran dan banjir kilat disebabkan oleh pembinaan biasanya berpunca dari kerja tanah yang tidak terkawal di tapak-tapak pembinaan. Dalam hubungan ini, undang-undang kecil kerja tanah di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 telah memperuntukkan kawalan terhadap cara kerja tanah, penahanan enap dan hakisan demi untuk menjaga kebersihan sekeliling tapak pembinaan dan banjir.

Dalam sidang Parlimen yang lalu juga telah diluluskan pindaan akta di mana pihak-pihak pemaju harus sebelum mereka memulakan projek, mengemukakan pelan topografi kawasan yang hendak dibina di mana juga diperlukan ditentukan pokok-pokok yang ada dan pokok-pokok yang perlu ditebang dan perlu mendapat kelulusan dahulu sebelum dia tebang. Tabiat buruk orang ramai membuang sampah ke dalam parit juga menyumbang kepada banjir kilat. Pihak berkuasa tempatan telah diberi peruntukan khas untuk membersihkan dan meningkatkan parit. Sekian.

Projek Koridor Raya Multimedia

6.47 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, ucapan tangguhan ini terpaksa saya buat pada hari ini adalah lantaran kebimbangan disuarakan oleh rakyat di kampung dan di desa yang takut mereka akan terus ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, kesungguhan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad melancarkan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan juga pemimpin teknologi yang akan mencorakkan perkembangan teknologi maklumat menjelang abad ke-21.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa multimedia merupakan agenda dan projek pembangunan era teknologi maklumat yang serba canggih. Menerusi projek ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperlihatkan kepada kita bahawa projek ini amat memerlukan komitmen, sokongan dan penglibatan progresif seluruh rakyat negara ini. Cetusan idea ini telah membuat kita merasa terpacu untuk menerima tanggungjawab yang lebih besar lagi bagi merealisasikan matlamat Malaysia menjadi pemimpin di dalam teknologi multimedia ini. Tanggungjawab yang lebih besar sebenarnya terletak di bahu institusi-institusi pendidikan di semua

peringkat. Pada hemat saya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semacam mahu supaya projek ini dilakukan segera bagi mencorakkan masyarakat Malaysia yang berbudaya informasi maklumat yang moden dan efisien.

Bagi menjayakan projek ini, selain dari agensi kerajaan, pihak swasta, pihak korporat dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO) harus memainkan peranan bagi membantu mengembangkan budaya celik teknologi maklumat ini di kalangan masyarakat. Sebenarnya pembangunan MSC mempunyai kepentingan yang luas, iaitu:

- (i) ia akan mempengaruhi perkembangan negara khususnya dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran negara berasaskan maklumat; dan
- (ii) dengan teknologi multimedia yang canggih ini, pengaliran dan penukaran pelbagai maklumat terkini atau contemporary, dengan izin, yang berlaku di seluruh dunia akan dapat dimanfaatkan demi kemajuan negara sama ada dari segi ekonomi, sistem kewangan, perkembangan maklumat semasa, pendidikan, perkembangan politik dan sebagainya.

Dari segi yang lain, saya melihat kesan teknologi multimedia ke atas pembangunan masyarakat juga akan berlaku dengan teramat cepat dan pantas. Bagaimanapun, masyarakat yang buta teknologi maklumat akan terus terpinga-pinga yang nantinya ditinggalkan oleh arus kemajuan yang dicetuskan oleh teknologi maklumat itu sendiri dan teknologi multimedia juga akan memberi impak yang luas kepada perubahan nilai, kepercayaan dan moraliti hidup manusia yang sentiasa bergolak dan bertembung dengan pelbagai konflik budaya.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan paradigma pembangunan yang berorientasikan kepada multimedia dan teknologi maklumat yang direncanakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad merupakan satu pembaharuan yang cukup drastik yang memberi kesan psikologi yang luas kepada masyarakat di mana keadaan masyarakat Malaysia pada umumnya akan bersifat sebagai satu masyarakat yang canggih dan sophisticated, dengan izin. Tetapi dari segi realitinya sekarang ini telah wujud perbezaan bukan sahaja dari segi faktor bangsa dan budaya, tetapi juga disebabkan oleh agihan ekonomi dan kekayaan yang tidak seimbang yang memberi kesan kepada ketidakseimbangan kemakmuran dan kesejahteraan sosial dalam masyarakat.

Budaya multimedia dan teknologi maklumat kebiasaannya berkembang pesat di kalangan masyarakat yang dikenali sebagai masyarakat mewah atau affluent society, dengan izin, iaitu masyarakat yang telah mencapai perubahan yang baik dari segi kesejahteraan dan kemakmuran hidup. Soalnya, adakah masyarakat Malaysia telah mencapai satu status affluent society, dengan izin, atau masyarakat mewah dan selesa yang mampu mendukung hasrat dan cita-cita merealisasikan perkembangan teknologi multimedia dan teknologi informasi maklumat yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan teknologi multimedia ini juga akan memberi kesan tertentu kepada masyarakat. Pertama, akan menyebabkan berlakunya kejutan budaya kerana segala pengurusan akan dilakukan dengan menggunakan multimedia seperti komputer, Internet dan sebagainya. Dan kejutan budaya juga akan berlaku apabila ahli masyarakat tidak mempunyai alternatif lain, selain dipaksa dan terpaksa menggunakan multimedia dalam pengurusan dan penyelesaian segala permasalahan yang dihadapi.

Dalam konteks ini, kejahilan akan menjadi meluas apabila di kalangan masyarakat tidak tahu bagaimana menggunakan saluran multimedia dan ini akan menjadikan mereka terasing dalam dunia ciptaan multimedia dan teknologi maklumat. Kejutan budaya juga akan berlaku apabila multimedia telah mempengaruhi kehidupan sebilangan masyarakat. Selain dari kejutan budaya, masyarakat Malaysia pada abad ke-21 nanti akan didominasi oleh budaya luar kerana multimedia adalah alat yang paling berkesan untuk meluaskan dominasi atau penjajahan budaya asing, khususnya budaya Barat yang dianggap superior dan amat dikagumi dan ia akan menjadi lebih mudah untuk menyerap dan menguasai pemikiran masyarakat yang membangun. Suatu penjajahan pemikiran yang akan memesonkan nilai dan kepercayaan masyarakat. Proses propaganda media yang akan dilakukan secara halus berlandaskan kepada pemikiran logik, rasional, liberal, toleran, saintifik dan sebagainya akan merubah sikap dan pendirian masyarakat. Kesan negatif multimedia bagaimanapun perlu dikawal supaya semua gejala buruk, yakni kesan pendominasian atau penjajahan budaya asing ke atas budaya dan kehidupan masyarakat Malaysia akan dapat ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, kesediaan masyarakat terutamanya orang Melayu untuk mengambil bahagian yang aktif dalam arus perubahan multimedia perlu diambil kira supaya tidak akan berlaku kepincangan di mana orang Melayu akan terus tertinggal sepertimana yang berlaku dalam lapangan-lapangan lain. Adalah menjadi harapan kita semoga niat suci dan idea yang dicipta oleh pemimpin

besar negara ini jangan sampai ianya dicemahi oleh bangsa Melayu sendiri yang mungkin kecewa dengan keadaan-keadaan dan kepincangan yang dihadapi oleh bangsa Melayu.

Perkembangan dan penguasaan teknologi maklumat dan multimedia amat penting kepada pembangunan masa depan negara. Negara tidak akan maju jika kita masih tertinggal daripada penggunaan dan penguasaan teknologi moden dan canggih ini. Taraf kemajuan masyarakat dan negara ini juga tidak akan dapat ditentukan dengan lebih optimistik dan progresif jika Malaysia masih lemah dalam pembangunan teknologi multimedia. Lantaran pembangunan teknologi ini akan menentukan perjuangan sengit pembangunan-pembangunan bangsa dan negara pada masa depan.

Kemajuan teknologi multimedia dalam erti kata lain, akan membawa satu perkembangan baru dalam pembinaan wawasan pembinaan negara. Walaupun ada kesan-kesan negatif kemajuan teknologi multimedia kepada masyarakat, tetapi bagi negara dan bangsa yang ingin maju ke hadapan, teknologi ini perlu dikuasai terlebih dahulu dengan penguasaan teknologi multimedia, sudah tentu kita akan dapat merangka langkah-langkah penggunaannya untuk kebaikan dan pembinaan masa depan bangsa dan negara. Langkah ini amat penting kerana pembangunan abad 21 nanti akan membawa Malaysia ke era pembangunan multimedia teknologi maklumat. Inilah idea besar yang datangnya dari pemimpin besar yang perlu didukung oleh semua rakyat Malaysia. Dengan penuh rasa bangga kerana kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang berjiwa besar, saya ingin merebut kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri yang telah melakukan suatu transformasi budaya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita membicarakan soal MSC, demi kejayaan projek MSC ini, saya ingin meminta supaya Perdana Menteri sendiri mengambil inisiatif mengarahkan semua kementerian dan agensi kerajaan untuk memberikan pendedahan yang meluas kepada masyarakat umum mengenai projek MSC ini supaya rakyat dapat mengambil manfaat dan turut serta dalam projek raksasa ini, kerana setakat ini terdapat terlalu ramai di kalangan masyarakat yang masih kabur dan tidak begitu jelas mengetahui dengan tepat mengenai projek Multimedia Super Corridor ini. Setahu saya, setakat ini tidak ada mana-mana kementerian pun yang mengambil inisiatif yang serius untuk menerangkan kepada masyarakat tentang kepentingan MSC dalam pembangunan negara. Sudah sampai masanya semua kementerian bersama agensi-agensinya kerajaan yang lain harus mengambil tanggungjawab dengan menyusun program secara sistematik dan menggunakan media massa untuk menerangkan dan memberi kefahaman jelas kepada masyarakat umum mengenai projek MSC. Sekian, terima kasih.

6.56 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengalu-alukan ucapan penangguhan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail tadi yang telah menerangkan kepentingan projek Multimedia Super Corridor yang dilaksanakan di negara kita ini sekarang sebagai suatu projek yang amat penting sekali. Ianya penting oleh kerana kita memahami jika negara kita hendak mengikuti perkembangan dunia, kita harus juga mempengaruhi dan mendapat tahu cara kegunaan multimedia dan sebagainya kerana ini akan memberi kita kesan untuk dapat mencepungkan diri dalam perubahan information technology dan economy digital yang akan wujud dalam abad ke-21 nanti.

Oleh sebab itulah kerajaan memutuskan untuk negara kita melaksanakan satu projek Multimedia Super Corridor yang merangkumi satu kawasan 15 kilometer kali 50 kilometer di antara Kuala Lumpur City Centre dan lapangan terbang baru iaitu Kuala Lumpur International Airport di mana ianya akan dilengkapi dengan alat-alat information yang canggih dan sebagainya untuk mendapatkan penggunanya berurusan secara on-line di mana-mana tempat di dunia ini. Selain dari kita melengkapi dengan alat-alat sedemikian, tempat ini juga akan menjadi satu kawasan di mana kita boleh mengubah cara hidup, budaya dan sebagainya dalam abad information technology dan information society.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa benda ini adalah benda yang baru, oleh sebab itu kita juga menyedari akan hakikat bahawa memang ada kesan negatif yang akan timbul daripadanya. Walaupun demikian, kita memikirkan kesan negatif ini tidak dapat dielakkan sama sekali. Walaupun kita tidak membangunkan Multimedia Super Corridor, sudah tentu juga rakyat dan negara kita ini terdedah kepada maklumat yang boleh didapati, boleh diakses di mana-mana computer network yang ada di negara kita ini, di Internet dan sebagainya. Oleh sebab itu, lebih baiklah kita mengadakan projek ini.

Dengan adanya projek ini di negara kita ini, sedikit sebanyak kita akan dapat monitor dan juga dapat memberi sumbangan cara pembangunannya dan justeru itu bukan sahaja kita dapat menggunakan alat maklumat, tetapi untuk mewujudkan kefahaman, dengan izin, content development yang boleh diadakan di negara kita ini yang sedikit sebanyak kita juga boleh mengambil peluang ini untuk menyalurkan maklumat ini yang diasaskan dari etika negara kita, moral negara kita, ASEAN values dan sebagainya kepada tempat-tempat yang lain, kepada negara-negara luar apabila kita sendiri akan

mempunyai kemahiran dari mengadakan content development project serupa ini. Oleh itulah kita percaya projek ini harus disokong dan diberi perluasan penerangannya.

Saya tertarik dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail, kemungkinan kita harus memperluaskan penerangan kepada lapisan masyarakat di negara kita ini untuk menentukan fahamannya boleh diikuti oleh semua lapisan masyarakat. Bahkan dalam awal tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengadakan secara on-line video conferencing, dengan izin, ke seluruh merata tempat di negara kita ini di mana beliau sendiri mempunyai peluang untuk menerangkan projek Multimedia Super Corridor dan seterusnya berdialog dengan penuntut-penuntut yang mengikuti sama program video conferencing itu.

Walaupun demikian, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail bahawa tindakan penerangan ini harus sentiasa dibuat, harus kita teruskan dan harus kita majukan. Kita juga faham bahawa kemungkinan benda ini kalau tidak diteliti dengan baik, mewujudkan perbezaan di antara golongan rakyat yang sudah mewah, rakyat yang sudah mempunyai kemahiran jika dibandingkan dengan rakyat di luar bandar misalnya. Oleh itu, satu dari flagship application yang ditentukan dalam Multimedia Super Corridor ialah untuk membangunkan apa yang dikatakan 'smart school'. Bermakna, Kementerian Pendidikan secara langsung mempunyai program untuk menentukan pengembangan kegunaan IT di seluruh sekolah untuk memberi peluang, bahkan murid-murid di negara kita ini akan dapat menguasai dan mengguna alat IT sebagai cara hidup harian mereka.

Oleh itu, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail tadi dan saya suka juga menegaskan sekali lagi pentingnya projek ini dilaksanakan dan pentingnya kita sama-sama menyokong dan memberi penerangan kepada semua lapisan masyarakat, bahkan information technology akan datang, kita bersedia atau tidak, dia tidak akan menunggu kita, kita sendiri lebih lagi menyediakan diri dari segi pengalaman, dari segi kemahiran teknologi, dari segi cara kita mengubah fikiran, dari segi kesediaan kita menapis maklumat yang harus kita guna dan mengetepikan maklumat yang tidak akan memberi kesan yang baik kepada kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul Penangguhan ini dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan pada esok hari, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.02 malam.

